



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
SHAFIE BIN HUSIN
SEJARAH DAN TOKOH KAMPUNG LUNDANG**

OLEH:

NUR FARIDA SABIHA BINTI IZANI	2013338869
SITI FATHEHAH BT ABDULLAH	2013509057

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
SHAFIE BIN HUSIN
SEJARAH DAN TOKOH KAMPUNG LUNDANG

OLEH:

NUR FARIDA SABIHA BINTI IZANI	2013338869
SITI FATHEHAH BT ABDULLAH	2013509057

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat kami menyiapkan tugas transkrip wawancara bersama tokoh iaitu Shafie Bin Husin sebagai pencerita mengenai Sejarah dan Tokoh Kampung Lundang bagi memenuhi syarat kursus IMR 604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan yang ditetapkan oleh pihak universiti.

Setinggi-tinggi penghargaan kami ucapkan kepada Shafie Bin Husin di atas kerjasama yang diberikan dalam mewawancara beliau. Kerjasama yang diberikan amat kami hargai. Tidak lupa juga kepada pensyarah kami, iaitu Puan Nor Kamariah Binti Chik di atas tunjuk ajar yang diberikan dalam membantu kami menyiapkan tugas ini. Semoga segala jasa baiknya dalam memberikan tunjuk ajar kepada kami dikurniakan ganjaran oleh Allah S.W.T.

Penghargaan ini juga kami tujukan kepada kedua ibu bapa kami kerana memberikan kami dorongan dalam menyiapkan tugas yang diamanahkan oleh pensyarah kami. Kami juga ingin mendedikasikan penghargaan ini kepada kawan-kawan kami yang sanggup berkongsi ilmu, maklumat, dan segala bentuk bantuan sehingga kami berjaya menyiapkan tugas ini.

Akhir sekali, kami ingin menyampaikan sekalung ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tugas ini. Kerjasama dan bantuan anda amat kami hargai.

Sekian terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02
Bahagian 2: Siapakah Panglima Perang Dato Lundang?.....	12
Bahagian 3: Siapakah Pembesar-Pembesar Lundang?.....	19
Bahagian 4: Perubahan Kepada Corak Pemerintahan Moden Di Lundang... ..	31
Bahagian 5: Corak Pemerintahan Moden Di Lundang	33
Bahagian 6: Tokoh Tokoh Lundang	35
Bahagian 7: Sejarah Masjid Mukim Lundang	41
Bahagian 8: Sejarah Sekolah Kebangsaan Lundang	44
Bahagian 9: Pembesar Lundang	47
Bahagian 10: Sejarah Seni Silat.....	49
Bahagian 11: Kesan Sejarah Lundang	56
Rujukan.....	62
Lampiran	
Log Wawancara.....	63
Diari Kajian.....	74
Senarai Soalan.....	77
Surat Perjanjian.....	85
Gambar.....	86
Indeks.....	90

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara tokoh yang bernama Shafie bin Husin dan pelajar yang bernama Siti Fathehah binti Abdullah dan Nur Farida Sabina binti Izani. Transkrip ini mengandungi temubual bersama tokoh mengenai sejarah dan tokoh kampung Lundang dari segi tradisional dan moden. Temubual ini khususnya untuk merungkai cerita rakyat negeri Kelantan yang sudah lama terkubur dan untuk mengetahui dengan lebih terperinci mengenai sejarah dan tokoh kampung Lundang. Melalui temubual ini dapatlah kita berkongsi sedikit sebanyak tentang pengalaman beliau sebagai penulis buku tentang sejarah dan tokoh kampung Lundang.*

Kata kunci: *Shafie Husin, Lundang, tokoh-tokoh Lundang, tradisional dan moden.*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



- Nama Penuh : Shafie bin Husin
- Umur : 56 Tahun
- Tarikh Lahir : 08 Januari 1960
- Tempat Tinggal : Kampung Lundang, Kota Bharu, Kelantan
- Adik Beradik : Anak ke-5 daripada 6 adik beradik
- Status : Berkahwin
- Bilangan Anak : 4 Orang
- Hobi : Membaca Buku, Menulis & Belajar Ilmu Persilatan
- Pendidikan : Sekolah Kebangsaan Lundang pada 1967-1972
Sekolah Menengah Kubang Kerian pada 1973-1977
- Pekerjaan Sebelum : Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM)
- Pekerjaan Sekarang : Juruteknik & Penulis

PENGENALAN

PENGENALAN

Kampung Lundang yang mana melibatkan dua zaman berbeda iaitu zaman Tradisional dan zaman Moden. Tumpuan khas juga diberikan kepada sejarah raja-raja Kampung Lundang yang merupakan pembesar-pembesar daerah Lundang dari peringkat awal hingga kepada yang terakhir. Lundang merupakan sebuah mukim dan bandar di daerah Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan. Menurut catatan sejarah, Kampung Lundang adalah salah sebuah kampung yang tertua selepas Kampung Kota Jelasin, Kampung Che Bu dan Kampung Kubang Garom. Kampung Lundang juga adalah merupakan sebuah kampung paling besar di antara kampung-kampung lain dalam kawasan Kota Bharu, ibu negeri Kelantan sekarang.



Gambar 1 : Sungai Lubuk Mulong

Salah satu Lubuk yang terletak kawasan Pingiran Sungai Lundang di Kampung Bawah Lembah Bunut Payung. Nama Sungai Lubuk Mulong merupakan sistem perhubungan utama masyarakat lampau yang menghubungkan Sungai Kelantan.



Gambar 2 : Sungai Lundang

Keadaan Sungai Lundang sekarang tidak lagi sepertimana zaman kegemilangannya dimana muara sungainya dahulu adalah dalam dan luas. Pemandangan Sungai Lundang di Kampung Lundang dari Jambatan Jalan Tengku Muhammad Maa'sum (Jalan Baru Telipot-Pasir Hor) sekarang.



Gambar 3 : Makam Raja-Raja Lundang

Makam Raja-Raja Lundang dilorong Imam Lundang yang terletak berhampiran dengan tebing bawah lembah Kampung Lundang sekarang. Pada masa dahulunya kawasan ini dipanggil langgar surau Tok Jingga, berhadapan dengan gambar ini mulai di sebelah kiri adalah makam Al-marhum Mandor Mis (Dato' Maharaja Wangsa) dan di sebelah kanan adalah makam Al-marhum Dato' Mekong. Dan dibelakang kedua-dua makam ini ialah bersetentang dengan makam Al-marhum Mandor Mis iaitu makam Al-Marhum Dato' Panglima Perang dan di sebelah kanannya (tengah) adalah makam Al-marhum Dato' Besar dan di sebelah kanan makam Al-marhum Dato' Besar adalah Makam Al-marhumah Engku Cik Nik Binti Long Gafar , isteri kepada Dato' Panglima Perang (tiada belindan) - merujuk daripada sumber "Peringatan Lundang" oleh Imam Hj.Tuan Fakeh Abdullah Bin Ahad 1326h bersamaan tahun 1908m.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang Sejarah dan tokoh-tokoh kampung Lundang. Tujuan rakaman ini adalah untuk merungkai cerita rakyat negeri Kelantan yang sudah lama terkubur dan mempelajari dengan lebih terperinci mengenai sejarah dan tokoh-tokoh kampung Lundang. Rakaman ini dirakam di rumah beliau di kampung Lundang, Kota Bharu, Kelantan. Pencerita adalah Shafie bin Husin dan penemuramah ialah Siti Fathehah Abdulah dan Nur Farida Sabiha Izani. Berikut adalah hasil rakaman yang dijalankan.

Petunjuk:

S : Siti Fathehah bt Abdulah

F : Nur Farida Sabiha bt Izani

SH : Shafie bin Husin

S : Assalammualaikum, sebelum memulakan perbualan ini, saya hendak perkenalkan diri saya, nama saya “Siti Fathehah bt Abdullah” dan bersama rakan saya “Nur Farida Sabiha binti Izani”. Kami dari *UiTM Machang* [Universiti Teknologi Mara cawangan Machang], berhajad untuk mengetahui lebih lanjut mengenai sejarah Lundang bersama “Shafie bin Husin” pada *dua puluh lima April* [25 April], *lapan tiga puluh lima malam* [8.35 malam], hari Isnin di kampung Lundang. *Interview* [temuramah] ini untuk memenuhi keperluan subjek ‘IMR605’ iaitu ‘Pendokumentasian Sejarah Lisan’.

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

F : Sebelum saya bertanya lebih lanjut mengenai sejarah kampung Lundang, kalau boleh nak tahu lah serba sedikit latar belakang pakcik ni. Boleh pakcik bagitahu nama penuh pakcik, berasal dari mana dan dimana tempat lahir?

SH : Terima kasih. Nama pakcik “Shafie bin Husin”. Berasal daripada kampung Lundang ni lah. Jadi sebelum meneruskan soalan-soalan selanjutnya pakcik juga ingin mengucapkan terima kasihlah di atas kesudian anda berdua untuk *interview* [temuramah] pakcik dan juga mengkaji sejarah kampung Lundang.

F : Boleh pakcik ceritakan serba sedikit tentang keluarga pakcik seperti bilangan adik-beradik dalam keluarga, lepastu pada tahun berapakah pakcik mula mendapatkan pendidikan?

SH : Pakcik mempunyai -- pakcik anak yang ke lima daripada enam orang adik beradik. Dua telah meninggal semasa dilahirkan dan abang pakcik juga telah meninggal, dan yang ada sekarang ni kakak pakcik seorang dan juga adik perempuan pakcik. Pakcik mendapat pendidikan awal adalah di Sekolah Kebangsaan Lundang pada tahun *seribu sembilan ratus enam puluh tujuh* [1967] hingga tahun *seribu sembilan ratus tujuh puluh dua* [1972] iaitu sekolah rendah dan ke sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian pada tahun *sembilan belas tujuh puluh tiga* [1973] sehingga tahun *sembilan belas tujuh puluh tujuh* [1977].

F : **Boleh pakcik cerita bagaimana pendidikan pada zaman pakcik tu?**

SH : Pada zaman pakcik tu dulu kira masih lagi kita di Kelantan ni dalam keadaan susahlah. Pada tahun *enam puluh tujuh* [1967] tu pakcik ingat duduk di rumah beratapkan rumbia, menggunakan pelita ayam, yang mana bila kita baca buku malam, esokkannya hidung-hidung tu penuh dengan asap pelitalah, tidak seperti zaman sekarang dengan elektrik. Dan pergi ke sekolah dengan berjalan kaki tapi nasib baiklah sekolah Lundang ni dekat. Bila ke sekolah menengah telah mula naik bas. Sebab daripada Lundang nak ke Kubang Kerian tu lebih kurang dalam *satu kilometer* [1km] lebih. Selepas itu barulah ayah membeli basikal. Di situlah kita kata adalah sedikit kemewahan. Kemewahan pada itu kira kalau orang ada basikal sudah mewah dah lah masa tu tidak seperti sekarang ada motor.

F : **Hobi pakcik pula apa?**

SH : Hobi pakcik *masa loni nya* [buat masa sekarang] adalah menulis buku-buku sejarah dan juga buku silat dan bersilat.

F : **Bila pakcik mendirikan rumah tangga? Dan apa nama isteri pakcik? Isteri pakcik tu kerja ke atau suri rumah?**

SH : Pakcik mula mendirikan rumah tangga pada tahun *seribu sembilan ratus lapan puluh tujuh* [1987] dan isteri pakcik namanya “Azian binti Man”, tidak bekerja iaitu suri rumah dan berasal dari Bagan Jermal, Butterworth, Pulau Pinang.

F : **Hasil perkahwinan pakcik ni, boleh berapa orang anak?**

SH : Pakcik telah mendapat zuriat empat orang, seorang lelaki meninggal semasa dilahirkan. Dan yang ada sekarang ni adalah dua lelaki dan satu perempuan.

F : ***Nikah blako doh?* [Semua dah kahwin ke?]**

SH : Belum.

F : **Kalau tak keberatan boleh tak pakcik cerita serba sedikit tentang anak pakcik?**

SH : Anak pakcik yang sulung bernama Mohd Safrizal bekerja sendiri, yang nombor dua Mohd Syafik sedang melanjutkan pelajaran di Kuala Lumpur iaitu di *Malaysia Science University* [MSU] di Shah Alam dan yang ketiga yang bongsu sekali adalah perempuan Syazwani menuntut di Politeknik Kota Bharu dan anak pakcik yang meninggal semasa dilahirkan adalah Ahmad Rizqilah.

S : Punca kematian tu masa dilahirkan?

SH : Ya, masa dilahirkan disebabkan tidak cukup bulan. Lahir tidak cukup bulan, tapi sifatnya cukup. Sebab tu boleh diberi nama.

F : Apa pekerjaan pakcik sebelum ni, sebelum bersara lah?

SH : Sebelum bersara, pakcik memasuki Tentera Udara Diraja Malaysia *masa* [semasa] selepas *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia]. *SPM* pakcik pada tahun *sembilan belas tujuh puluh tujuh* [1977] dan pada tahun *sembilan belas tujuh puluh lapan* [1978] pakcik memasuki *TUDM* [Tentera Udara Diraja Malaysia]. Dan bersara pada *lapan belas Oktober tahun dua ribu* [18 Oktober 2000].
(membelek kertas)

F : Selepas tu kerja pakcik selepas bersara tu? Ada buat kerja apa-apa ke, kerja sampingan?

SH : Ya, sekarang ni pakcik bekerja di sebuah syarikat swasta sebagai juruteknik di Pengkalan Tentera Udara di Gong Kedak, Jertih, Terengganu.

**F : Berapa tahun dah pakcik berkecimpung dalam ilmu silat dan penulisan?
Saya dapat tahu yang pakcik ni dah menerbitkan buku kan?**

SH : Ya, di dalam persilatan pakcik belajar dengan arwah ayah pakcik semasa pakcik kecil lagi lah. Semasa umur sepuluh tahun tu dah belajar silat dan dalam penulisan ini setelah pakcik bersara iaitu empat belas tahun yang lepas.

F : Berapa biji buku dah yang telah pakcik hasilkan?

SH : Sampai sekarang ni pakcik telah menghasilkan tiga biji buku lah.

F : **Tajuk-tajuk buku tersebut?**

SH : Ok, buku yang pertama bertajuk ‘Dokumentasi Sejarah Dan Aktiviti PSSGSK’ *tujuh puluh lima* [1975] sehingga *dua ribu sepuluh* [2010]. ‘PSSJSK’ ini ialah singkatan ‘Pertubuhan Silat Seni Gayungman Segerak Kelantan’ yang diterbitkan pada bulan *April dua ribu dua belas*, [April 2012]. Itu lah buku yang pertama yang telah pakcik karangkan. Dan yang kedua adalah buku ‘Sejarah dan Tokoh Kampung Lundang Traditional Dan Moden’ yang diterbitkan pada bulan *Februari dua ribu empat belas* [Februari 2014] dan buku yang ketiga adalah ‘Menuju Kegemilangan Seni Silat Jatuh Kelantan’ yang mana telah buat dua percetakan iaitu percetakan pertama pada bulan *Disember dua ribu empat belas* [Disember 2014] dan cetakan kedua adalah pada bulan *Mac dua ribu lima belas* [Mac 2015]. Dan sekarang dalam proses buku yang keempat iaitu buku silat yang pakcik bagi nama ‘Perbuah’ dalam singkatan ‘Persilatan dan Buah’ dalam proses penerbitan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka.

F : Kira pakcik aktif jugaklah dalam silat ni? Aktiviti apa yang pakcik anjurkan untuk mengembangkan silat ni di Lundang ataupun di negeri Kelantan?

SH : Ya. Pakcik banyak menjadi (mendengus) memegang jawatan dalam *NGO* [Non Government Organisation] Pertubuhan Silat yang mana persembahan atau pun aktiviti-aktiviti yang terkini kita adakan adalah pada *lapan, sembilan, sepuluh April* [8,9,10 April] yang lepas iaitu persembahan ataupun pertunjukan sempena menyambut tahun melawat Kelantan tahun *dua ribu enam belas* [2016] yang mana kita telah menjemput dua peserta -- dua negeri luar iaitu Thailand dan juga Indonesia dan empat negeri-negeri di Malaysia termasuk sepuluh Seni Pertubuhan Seni Silat Warisan antara Kelantan di mana pakcik menjadi ahlijawatankuasa. Di dalam dua pertubuhan seni silat lagi iaitu Seni Silat Gayungman Segerak Kelantan yang pakcik ada sendiri di Lundang ni, pakcik menjadi setiausaha merangkap jurusilat dan juga ahli jawatankuasa di dalam satu lagi pertubuhan di Seni Silat Warisan Tengku Kelantan di Bachok.

F : Rumah pakcik ni jadi tempat tumpuan pesilat ke ataupun *diorang* [mereka] akan berkumpul di sini untuk berjumpa dengan pakcik?

SH : Ya, daripada dulu lagi daripada pakcik kecil lagi. Di rumah arwah ayah pakcik dan sekarang rumah pakcik pula adalah menjadi tumpuan pemuda-pemuda dan juga pemudi-pemudi termasuklah kanak-kanak di sekitar kawasan Lundang ni untuk mempelajari silat bermula daripada arwah ayah pakcik dan sekarang ni pakcik sendiri telah mengambil alihnya.

F : Ada tak pengalaman pahit ke, pengalaman manis bila pakcik jadi jurusilat ni?

SH : Kebanyakannya kenangan manis lah, kenangan pahit *tak ada* [tidak ada]. Di mana pakcik mengajar di rumah, di gelanggang sebelah rumah, di mana pakcik mengajar silat di sekolah-sekolah. Tiga buah sekolah yang pakcik mengajar iaitu Sekolah Kebangsaan Pasir Hor, Sekolah Kebangsaan Lundang dan Sekolah Agama di belakang sekolah *SIC* [Sultan Ismail Collage] tu di Sekolah Agama Kiblah. Pengalaman manisnya kita suka mengajar budak-budak ni dengan kareh *diorang* [mereka] budak-budak dari segi yuran pun kita tidak titikberatkan sangat sebab pakcik berkehendakkan memberi pengajaran kepada *diorang* [mereka] ni jadi yuran-yuran tu ada yang bayar ada yang tak bayar, jadi begitulah.

F : Jadi pakcik tak kisahlah?

SH : Ya, pakcik tak kisah sebab apa yang pakcik nak pelajaran silat pakcik dapat sampaikan dan pakcik dapat ilmu dan setengah-setengah sekolah contoh di Sekolah Pasir Hor, Sekolah Lundang sehingga mencapai dapat mewakili Kelantan dalam pertandingan silat antara sekolah-sekolah. Itu yang menjadi kebanggaan pada pakcik lah.

F : Kalau boleh tahu, nama penuh arwah ayah pakcik apa?

SH : Nama arwah ayah pakcik, nama penuh dia adalah “Husin bin Isa”.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SIAPAKAH PANGLIMA PERANG DATO LUNDANG?

F : Sekarang ni nak bertanya mengenai kampung Lundang. Kampung Lundang ni sebenarnya telah dibuka dan diasaskan oleh siapa?

SH : Kampung Lundang ni -- telah diasaskan oleh seorang yang bernama ataupun gelaran dia "Mandur Mis". -- Beliau telah membukanya pada tahun *seribu tiga ratus enam puluh dua* [1362]. Nama sebenarnya adalah "Wan Hamid" ataupun "Tuan Khomis".

F : Bagaimanakah kampung Lundang mendapat gelaran Lundang?

SH : Kampung Lundang mendapat gelaran Lundang adalah melalui bentuk mukabumi -- iaitu satu kawasan yang mempunyai tebing yang tinggi. Selepas itu dia landai yang rendah yang mana di situ boleh dibuat bercucuk tanam dengan suburnya. Ok, itu daripada bentuk muka bumi. Satu setengah-setengah berpendapat pula menyatakan kampung Lundang mendapat nama daripada sepohon pokok. Pada masa zaman dahulu iaitu pokok lundang.

F : **Apa pekerjaan utama penduduk di kampung Lundang?**

SH : Pekerjaan utama penduduk kampung Lundang pada masa dahulu adalah bertanam padi dan juga mendapatkan hasil-hasil daripada sungai.

F : **Salasilah kampung Lundang serta pentadbiran traditional sebelum tahun *sembilan belas kosong sembilan* [1909]?**

SH : Jadi di sini pakcik hanya fokuskan kepada sejarah Lundang adalah berpandukan kepada manuskrip Lundang jadi sekarang sudah ada penubuhan-penubuhan baru. Pak cik tidak hanya ____, pakcik hanya fokuskan sebuah manuskrip ini sajalah yang mana ianya bermula pada tahun *satu tujuh enam puluh dua* [1762] itu diperintahkan oleh seperti yang pakcik cakap tadi orang yang bernama “Wan Hamid” ataupun “Tuan Khomis” dan keturunannya lah yang telah memerintah kampung Lundang inilah sehingga pada tahun *sembilan belas kosong sembilan* [1909].

- F : Penghulu ni adalah orang perantaraan di antara pemerintah Lundang. Boleh pakcik namakan mengikut urutan nama-nama penghulu kampung Lundang?**
- SH :** Ya. Penghulu pada zaman dahulu iaitu zaman “Tuan Khomis” iaitu bermula daripada “Tuan Khomis” itu yang dapat pakcik catitkan adalah namanya “Penghulu Awang Besar” iaitu semasa pemerintahan “Mandur Mis” atau pun “Tuan Khomis”. Dan beliau juga mendapat gelaran sebagai “Dato Maharajawangsa”. Yang seterusnya ialah “Penghulu Pekung Merah Kujung” semasa pemerintahan “Wan Mahmud” ataupun “Datuk Panglima Perang Lundang Satu” iaitu anak kepada “Tuan Khomis” tadilah. Selepas itu, “Penghulu Tok Lela Perkasa” semasa pemerintahan “Wan Nik” atau pun “Dato Panglima Perang Lundang Tiga”. Selepasnya pula, “Penghulu Wan Umar Bin Wan Kecil” semasa pemerintahan “Wan Musa” atau “Dato Panglima Perang Lundang Empat”. Selepas “Penghulu Wan Umar” - penghulu meninggal dunia, “Penghulu Wan Usman” telah mengambil alih selepas “Penghulu Wan Usman” digantikan pula oleh “Penghulu Wan Yaacob”, anak saudara “Wan Usman”. Selepas itu “Penghulu Wan Yaacob” meninggal dunia digantikan dengan “Penghulu Wan Sulaiman Wan Yaacob” sehingga pada tahun *seribu sembilan ratus tujuh puluh empat* [1974]. Selepas “Penghulu Wan Sulaiman” digantikan dengan anaknya “Penghulu Wan Yusup bin Wan Sulaiman” mulai tahun *seribu sembilan ratus tujuh puluh empat* [1974] sehingga tahun *sembilan belas sembilan puluh enam* [1996]. Beliau dilantik secara rasmi sebagai penghulu pada tahun *sembilan belas tujuh puluh lapan* [1978] semasa Pemerintahan

Malaysia Nasional. Di sini maknanya selepas *Pas* [Parti Islam Se-Malaysia] mengambil alih, maknanya jawatan ini tidak dilantik lagi. Diberi kepada orang-orang *Pas* [Parti Islam Se-Malaysia] pula lah. Jadi, dari segi tradisionalnya, waris-warasnya berakhir dengan “Pengkulu Wan Yusup Bin Wan Sulaiman”, keturunan “Dato Lundang” ni lah, dan beliau sekarang masih hidup lagi.

F : **Ohhh, *duk mana loni?* [Ada di mana sekarang?]**

SH : Dia duduk di Lorong Manis FM [lorong di daerah Lundang, Kelantan].

F : **Oh di situ. Siapakah yang menulis *Manuskrip Peringatan Lundang?***

SH : -- Penulis manuskrip ini adalah yang bernama -- (membuka buku sejarah Lundang) kena *refer* [rujuk] buku sebab nama penuh. Nama penuh penulis manuskrip ini ialah “Iman Haji Tuan Fakeh Abdullah Bin Ahad”. Beliau telah menulisnya pada *dua belas rejab tiga belas dua puluh enam hijrah bersamaan sepuluh Ogos sembilan belas kosong lapan* [12 Rejab 1326 Hijrah Bersamaan 10 Ogos 1908].

F : Siapa yang berjumpa dengan Manuskrip Peringatan Lundang ni?

SH : Yang menjumpainya adalah seorang pemuda Lundang yang bernama “Muhammad Al Ghazali”. “Muhammad Al Ghazali” ni telah berkawan dengan cicit kepada “Tuan Haji”, ayah kepada “Tuan Haji Nasrullah” tapi manuskrip asalnya tidak dapat, masih dipegang dengan “Tuan Haji Nasrullah”. “Tuan Haji Nasrullah” sekarang ni kita tidak dapat menjejaki. Mulanya dia duduk Lundang, sekarang katanya duduk di Kok Lanas [daerah di Kota Bharu]. Sampai hari ni kita masih lagi ditemu cari sebab kita masih lagi hendak kepada manuskrip original dan asal.

F : Jadi pakcik tak pernah jumpa dia ke?

SH : Tak pernah jumpa. Pak cik pun dapat yang fotostat sahaja daripada “Muhammad Al Ghazali” ni. Dan kebenaran untuk menulis semula ataupun menerbitkan artikel berkenaan dengan tulisan “Tuan Haji Fakeh” ni telah diberi oleh “Tuan Haji Nasrullah”.

F : Bermakna tulisan di dalam Manuskrip Peringatan Lundang tu dia menggunakan tulisan apa?

SH : Dia menggunakan jawi. Tulisan jawi tangan.

F : Kalau boleh nak pakcik ceritakan secara ringkas terjemahan yang ada di dalam manuskrip Lundang tu, Manuskrip Peringatan Lundang?

SH : Ok, Manuskrip Peringatan Lundang ini telah dijumpai tetapi muka surat satu sehingga tiga belasnya tiada. Yang adanya ialah muka surat empat belas hingga tiga puluh lima sahaja. Satu hingga tiga belas tak ada ni tak tahu lah apa sebabnya mungkin sebab kekangan masa ke atau pun sengaja dikoyak untuk - tak tahu lah sebab-sebab tu mungkin tidak bersetuju dengan kandungannya ke ataupun tak tahu lah. Tapi benda ni masih lagi akan di cari sebab-sebabnya ditambah dengan manuskrip-manuskrip yang lain. Pada peringkat awal manuskrip ini daripada muka surat empat belas adalah mengkisahkan kisah tentang Pemerintahan Lundang Pertama iaitu kisah “Mandur Mis” dan seterusnya kisah Peperangan Kota Kubang Labu, adanya terbinanya sebuah kota di Lundang. Kita yang duduk di Lundang ni pun tak tahu bahawasanya pada zaman itu sebuah kota telah didirikan di Lundang tetapi kota tersebut telah dirobuhkan.

F : Kota tu ada nama tak?

SH : Namanya Kota Lundang sahaja. Kota ini dirobohkan ikut cerita orang-orang kampunglah disebabkan pada masa itu berlakunya angin besar. Jadi semua rumah-rumah di kampung Lundang ni diroboh. Jadi, di atas keprihatinan Dato Lundang, beliau telah merobohkan istananya. Istananya pada zaman dahulu, ia diperbuat daripada nibung, buluh dan sebagainya, kayu-kayu cengal dan dibahagikan kepada rakyat-rakyat Lundang untuk mendirikan rumah. Dan sebahagiannya diambil untuk mendirikan rumah beliau sendirilah. Maknanya dari istana kayu-kayunya diberikan kepada rakyat dan sebahagian daripadanya dibuatkan rumahnya Dato Lundang tu pula. Begitulah keprihatinan Dato Lundang tu. Dan juga perang saudara di antara “Sultan Muhammad II”, “Sultan Muhammad Hulu Merah” dan akhir sekali berkenaan dengan “Dato Lundang” sendirilah iaitu “Dato Lundang” yang terakhir “Dato Panglima Perang Lundang Yang Ke Empat”.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3 : SIAPAKAH PEMBESAR-PEMBESAR LUNDANG?

F : Sekarang ni nak tanya pasal pembesar dan pemerintah Lundang. Siapakah “Dato Maharajawangsa” tu?

SH : Seperti pakcik kata tadi lah, “Dato Maharajawangsa” itu adalah merupakan pengasas kampung Lundang. Pengasas kampung Lundang yang telah dibuka pada tahun *satu tujuh enam puluh dua* [1762] iaitu sama tahun dengan “Sultan Yunus” memerintah Kelantan. Selepas Peperangan Kota Kubang Labu tu, jadi kemenangan berpihak kepada “Long Yunus” dan beliau telah memerintah Kelantan dan diberinya kampung Lundang ini kursus untuk diperintah oleh “Wan Hamid” atau “Tuan Khomis”. “Wan Hamid” atau “Tuan Khamis” ni mangkat pada tahun *satu tujuh sembilan kosong* [1790].

F : Panggilan bagi “Dato Maharajawangsa” ni?

SH : Panggilan dia adalah “Mandur Mis”. Namanya adalah “Wan Hamid” ataupun “Tuan Khomis”. “Dato Maharajawangsa” ni adalah gelaran yang diberi oleh “Long Yunus” kepada beliau.

F : **Di manakah terletaknya makam-makam Raja Lundang?**

SH : Makam-makam Raja Lundang ni terletaknya di Lorong Imam ataupun dahulu kita panggil Manis FM [daerah Lundang], dulu di Lorong Imam tu ada Manis FM, jadi dia tulis di situ 'Lorong Manis FM' lah di Lundang.

F : **Siapa "Dato Panglima Perang Satu"?**

SH : Jadi gelaran untuk pemerintah-pemerintah di Lundang ini selepas kemangkatan atau selepas kematian "Dato Maharajawangsa" adalah diberi gelaran "Dato Panglima Perang Lundang". Jadi kalau "Dato Panglima Perang Lundang Satu" adalah anak kepada almarhum kepada "Dato Maharajawangsa" tu sendirilah yang bernama "Wan Mahmud".

F : Siapa yang menggantikan tempat arwahyarham “Mandur Mis” tu selepas kemangkatan beliau?

SH : Yang tadi lah “Wan Mahmud” tu. Jadi “Wan Mahmud” ni kalau ikut sejarah dan ikut juga Manuskrip Lundang itu, semasa kecilnya dipelihara oleh “Long Yunus” iaitu pemerintah Kelantan. Sebabnya ibunya telah meninggal dunia semasa “Wan Mahmud” masih kecil. Jadi dia dijadikan anak angkat kepada sultan. Dan gelaran beliau semasa menjadi pemerintahan Lundang adalah “Dato Panglima Perang Lundang Satu” dan digelar orang atau dipanggil oleh orang iaitu “Dato Panglima Perang”.

F : Siapakah raja penguasa kampung Lundang serta daerah Lundang?

SH : Selepas kemangkatan “Wan Mahmud” iaitu “Dato Panglima Perang Lundang Satu” digantikan oleh anaknya yang bernama “Wan Muhammad”. Jadi “Wan Mahmud” tadi mangkat pada tahun *lapan belas tiga puluh* [1830] dan digantikan dengan anaknya “Wan Muhammad” dengan gelaran “Dato Panglima Perang Dua”. Dan telah mangkat pada tahun *satu lapan empat puluh enam* [1846]. “Dato Panglima Perang Dua” ni dipanggil orang juga “Dato Mekong”. Dan selepas mangkat juga dikenali “Almarhum Bendang”.

F : **Kalau boleh tahu, bila “Dato Panglima Perang Satu” tu mangkat?**

SH : “Dato Panglima Perang Lundang Satu” itu mangkat pada tahun *satu lapan tiga kosong* [1830].

F : **Siapakah “Dato Besar”?**

SH : “Dato Besar” adalah anak kepada “Dato Panglima Perang Lundang Dua” pula. Jadi maknanya keturunan dia tu anak yang mengambil alih, nama dia “Wan Nik”. Diberi gelaran “Dato Panglima Perang Lundang Tiga” dan dikenali dengan atau dipanggil orang “Dato Besar”.

F : **“Wan Musa Bin Wan Hassan” ni pula siapa?**

SH : Ok, “Wan Musa Bin Wan Hasan” adalah merupakan pemerintah Lundang yang terakhir. Beliau adalah menantu kepada “Dato Panglima Perang Lundang Tiga” tadi, iaitu menantu kepada “Dato Besar”. “Wan Musa” mangkat pada tahun *sembilan belas dua puluh* [1920] mengikut cerita dan ada satu lagi kisah mengatakan beliau meninggal pada tahun *sembilan belas dua puluh enam* [1926]. Dan dia terkenal dengan nama “Dato Lundang”. Gelaran beliau adalah “Dato Panglima Perang Lundang Yang Ke Empat”. Tapi dipanggil orang “Dato Lundang”.

F : Siapa tokoh-tokoh sejarah Dato Lundang?

SH : Tokoh-tokoh sejarah Dato Lundang ni kalau kita nak ringkaskanlah tokoh sejarah tradisional dia ni maknanya bermula daripada “Mandur Mis” tadilah, bermula daripada pengasasnya dan berakhirnya pada “Wan Musa” tadilah iaitu “Dato Panglima Perang Lundang Yang Ke Empat” iaitu daripada “Tuan Khomis”, turun kepada anaknya “Wan Mahmud” dengan gelaran “Dato Panglima Perang Lundang Satu” turun kepada anaknya “Wan Muhammad” dengan gelaran “Dato Panglima Perang Lundang Dua” atau juga dipanggil “Dato Mekong” dan turun kepada anaknya pula kepada “Wan Nik” dengan gelaran “Dato Panglima Perang Lundang Tiga” dan akhir sekali menantunya iaitu menantunya “Wan Musa” dengan gelaran “Dato Panglima Perang Lundang Empat”.

F : Apa gelaran kebesaran yang diberi kepada “Dato Lundang”?

SH : Jadi gelaran yang diberi kepada “Dato Lundang” adalah “Dato Panglima Perang Lundang Ke Empat”. Cuma dipanggil oleh orang-orang kampung, orang-orang kampung panggil “Dato Lundang”. Jadi, kalau kita nak tengok sebatang jalan depan Balai Islam itu nak menuju kepada Bayam [jalan Bayam di daerah Lundang], ditulis di situ jalan Dato Lundang, maknanya sempena nama beliau lah.

F : Apakah hubungan di antara “Dato Lundang” dengan “almarhum Dato Besar”?

SH : Iaitu bapa mertua dengan menantulah. Sebab “Dato Besar” ni adalah bapa mertua pada “Dato Lundang Empat”. Dia *pusing ikut tu je* [keturunan ke keturunan].

F : Apa yang telah merubah sistem pentadbiran tradisional di Kelantan?

SH : Apakah yang telah merubah sistem pentadbiran tradisional di Kelantan ya -- Selepas tahun *sembilan belas kosong sembilan* [1909] atau *sembilan belas kosong empat* [1904], daerah Lundang ni telah ditadbir oleh Ketua Daerah ataupun kita panggil “Tok Penggawa” atau “*Tok Gawo*” [dialek panggilan Tok Penggawa di Kelantan] sehinggalah pada tahun *sembilan belas tujuh puluh* [1970] iaitu daerah Lundang dipecah dan digantikan menjadi daerah Kubang Kerian. Maknanya dulu daerah Kubang Kerian tu duduk bawah kita di bawah Lundang. Tapi pada tahun *tujuh puluh* [1970] dibuat persempadanan baru, Lundang jadi kecil pula, Kubang Kerian pula jadi besar. Jadi, di situ maknanya sebelum tahun *sembilan belas kosong sembilan* [1909] ni pemerintahannya adalah secara tradisional. Maknanya diberi kuasa kalau kita kata sekarang autonomi [undang-undang sendiri]. Maknanya hasil cukai semuanya Dato Lundang boleh ambil. Jadi selepas tahun *sembilan belas kosong sembilan* [1909], orang putih atau pun British menjadi penasihat kepada Sultan Kelantan dimansuhkan corak-corak pemerintahan tradisional contohnya Lundang

diperintah oleh Dato Lundang, Kadok diperintah oleh keturunan Dato Kadok dan juga di Pasir Putih oleh keturunan -- (membuka buku sejarah Lundang) Almarhum Long Ghafar. Jadi dimansuhkan dibuat satu sahaja pengutipan cukai iaitu semua hasil-hasil diberi kepada negeri. Maknanya daerah ni tak ada. Jadi Dato Lundang pun pada tahun *sembilan belas kosong sembilan* [1909] itu diberi pencen seumur hidup, tidak ada kuasa untuk mengutip hasil dan sebagainya.

F : **Apakah maksud “Tok Kweng”?**

SH : “Tok Kweng” ni dia sebenarnya dalam bahasa siam. Sebabnya dulu kita diperintah oleh Siam. Sekarang ni kita panggil oleh *tok gawo* [penggawa].

F : **Tok penghulu la?**

SH : Dia lain -- *yang ni* [penghulu] dia bawah dari penggawa. Penggawa ni kira besar lah.

F : **Apakah kehebatan Dato Lundang melalui lisan penceritaan penduduk kampung?**

SH : Jadi tentang kehebatan Dato Lundang ni adalah daripada penceritaan orang kampung ni memang banyaklah. Jadi setengah-setengah sahaja saya dapat kutip. Itu seperti -- kalau kita kata sekarang ni kenderaan yang mengiringi raja contoh *trafik* [polis trafik yang mengiringi raja] lah kita kata, jadi diorang ni selepas balik menghantar raja dan sebagainya sekiranya melalui sahaja kampung Lundang iaitu di rumah Dato Lundang. Salah satu rumah Dato Lundang adalah di restoran depan dekat *traffic light* [lampu isyarat] tu.

F : **Restoran Shakila tu ke? [Restoran di daerah Lundang]**

SH : Ya, jadi di belakang restoran Shakila tu lah terletak rumah Dato Lundang. Jadi bila kereta yang mengiringi sultan tadi balik, atau pemotor dan sebagainya lalu sahaja melintasi dari rumah Dato Lundang, *diorang* [mereka] menggunakan hon, walaupun Dato Lundang tu ada ke, tak ada ke dalam rumah tu, sebagai menghormati Dato Lundang maka nak lintas rumah Dato Lundang ni kena hon.

F : **Hon tu sebagai tanda hormat la?**

SH : Hormat kepada Dato Lundang. Dato Lundang ada ke tak ada dalam rumah dia tak tahu tetapi sebab itu menghormati. Itu cerita daripada lisan lah. Lain-lainnya adalah seperti salah satu kisah berkenaan dengan puja umur sultan. Puja umur sultan ni setiap daerah akan menghantar persembahan-persembahan seperti silat, mokyong, dan sebagainya. Jadi bila peserta-peserta daripada Pasir Putih dan Bachok, dia akan melalui kampung Lundang dulu sebelum sampai ke Kota Bharu. Jadi bila sampai di kampung Lundang ni, *awok-awok* [peserta-peserta persembahan] yang nak buat persembahan ni ditahan oleh Dato Lundang dulu untuk buat persembahan di kampung Lundang dulu, orang Lundang nak tengok. Jadi bila berita ni sampai kepada sultan, daerah-daerah lain sampai dah, kenapa daerah Pasir Putih dan Bachok tak sampai lagi. Jadi sultan kata pergi siasat. Siasat-siasat rupanya *duk main* [tengah main] di Lundang. Patutnya wayang kulit ke silat ke kena main di Kota Bharu tapi main di Lundang dulu. Jadi kalau maknanya kalau kita kata sudah derhaka la kenapa main Lundang dulu. Tetapi sebagai menghormati Dato Lundang, sultan kata biarlah anak cucu Dato Lundang nak tengok dia kata. Itulah keistimewaan Dato Lundang. Dan Dato Lundang juga diberi kuasa untuk hukum bunuh. Hukum bunuh boleh dilakukan oleh Dato Lundang tetapi kena maklum dahulu contohnya telah melakukan satu kesalahan sehingga boleh dibunuh penjahat itu. Tetapi sebelum bunuh kena maklum dulu kepada sultan. Dan permintaan Dato Lundang pula, sekiranya anak cucu atau orang-orang Lundang ni dikenakan kesalahan begitu, Dato Lundang mohon kepada sultan supaya diberi keampunan seperti penjara seumur hidup ke

halau negeri ke, jadi begitulah keprihatinan Dato Lundang ni terhadap orang-orang Lundang. Dia jaga *orang-orang dia* [penduduk kampung Lundang].

F : Adakah Dato Lundang juga terlibat dalam menangkap “Tok Janggut” pada tahun *sembilan belas lima belas* [1915]?

SH : Ya, ada versi yang bertulis mengatakan pada peringkat awalnya ada dua orang anak Dato Lundang iaitu “Nik Mat” dan juga “Nik Mud”, diarahkan untuk pergi berbincang dengan “Tok Janggut”. Jadi, sebelum itu “Nik Mat” dan juga “Nik Mud” ni telah bergaduh dengan *orang-orangnya* [anak buah Tok Janggut] di Kota Bharu dan telah pun mati lah anak buah “Tok Janggut” ni. Jadi, “Tok Janggut” ni telah berprasangka kurang baiklah kepada Dato Lundang ni kerana anak buahnya telah dibunuh. Jadi bila dibawa pergi berbincang, “Tok Janggut” ini hanya nak dua orang sahaja pergi jumpa dia iaitu “Nik Mat” dan “Nik Mud” dan disertai oleh “Menteri Besar” pada masa itulah. Jadi menteri besar pada masa itu tidak *benarlah* [membenarkan] “Nik Mat” dan “Nik Mud” ini berjumpa takut dibunuh. Jadi perbincangan ni hanya berlaku di *penghulu sanalah* [di tempat Tok Janggut]. Jadi seterusnya *diorang* [mereka] ni balik, bila *diorang* [mereka] ni balik tak dapat menangkap “Tok Janggut” lalu sultan memerintahkan Dato Lundang ni sendiri yang pergi. Sebab Dato Lundang pada masa tu dia dah tua dah, dia dah uzur tapi disebabkan arahan daripada sultan, Dato Lundang pergi juga tapi tak sampai. Dia hanya sampai kalau tak silap sayalah di Bukit Jawa [di daerah Pasir Puteh] sahaja, pada masa itu peperangan telah pun berlaku di antara “Tok Janggut dengan _ [British] dengan beritanya “Tok Janggut” telah mati dibunuh. Jadi Dato Lundang balik semula ke Lundang.

F : **Siapa “Muhamad Zain” ni pakcik?**

SH : “Muhamad Zain” ni adalah generasi baru lah, generasi baru di mana pakcik masukkan dalam ni [dalam buku yang telah dikarangkan] sebagai peringatan ataupun panduan kepada generasi sekarang yang mana generasi sekarang ni suka bergaduh dengan yang tak tentu pasal, beraninya kerana mendapat rangsangan daripada dadah dan sebagainya. Makna berani tu sebab ada benda dalam tubuh dia, jadi “Muhamad Zain” ni adalah merupakan anak Lundang yang orang kata “*Long Ranger*” [bersendiri tetapi berani]. Keberaniannya perseorangan dan dia tidak memulakan pergaduhannya dengan orang tapi kalau orang ajak dia bergaduh, dia memang tidak lari ya, satu lawan berapa pun dia lawan. Jadi, namanya begitu terkenal di luar-luar daerah Kelantan.

F : **Dia ada nama panggilan ke pakcik “Muhammad Zain” ni?**

SH : Ya, di Lundang ni kita panggil dia “Mat Zain Tok Mandur”, bila sebut nama “Mat Zain Tok Mandur” ni semua orang tahu lah. Dan di sebelah luar pula iaitu di luar daripada daerah kampung Lundang ni, beliau dikenali sebagai “Mat Zain Lundang”. Orang sebut “Mat Zain Lundang” orang kenal *blako* [semua] lah. Sebab dia ni asalnya daripada Lundang.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4 : PERUBAHAN KEPADA CORAK PEMERINTAHAN MODEN DI LUNDANG

F : Lepastu nak tanya pakcik sikitlah pasal perubahan kepada corak pemerintahan di kampung Lundang ni. Bagaimananakah pola perubahan kampung Lundang dan kemajuan yang dicapai?

SH : Maknanya yang terkini ke macam mana ni? Pola perubahan tu? Selepas bila tu?

F : Selepas ni lah, selepas pemerintahan Dato Lundang.

SH : Maknanya Lundang moden?

F : **Ya, Lundang moden.**

SH : Ok, kalau selepas - sebab masa dahulu penduduk kampung Lundang ni dia kebanyakannya bertanam padi. Bertanam padi mendapatkan hasil-hasil daripada sungai, selepas itu pada tahun *sembilan belas puluhan* [1900] tu adanya Lee Rubber iaitu kilang getah. Boleh dikatakan kebanyakannya bekerja sebagai pekerja di kilang getah lah. Jadi sekarang ni Lundang telah maju di mana kita telah dapati banyak perubahan yang telah berlaku kepada infrafaktornya seperti adanya bangunan-bangunan baru, bangunan *SPRM* [Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia] yang baru, adanya rukun tetangga, adanya dewan badminton dan futsal kepada pemuda-pemuda dan adanya gelanggang silatlah. Itu serba sedikit pola perubahan yang berlaku di kampung Lundang. Dan juga di sekolah, masjid dan yang terbaru ni ada pusat tahfiz di masjid Lundang.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: CORAK PEMERINTAHAN MODEN DI LUNDANG

F : ***Gapo hok*** [Apa yang] telah membawa perubahan kepada corak pemerintahan moden di Lundang?

SH : -- Maknanya orang yang membawa perubahan pemerintahan?

F : **Orang yg telah membawa perubahan kepada corak pemerintahan moden di Lundang.**

SH : -- (membuka buku sejarah Lundang) yang membawa perubahan pemerintahan secara moden. Boleh ulangi apa pertanyaan tadi itu?

F : **Siapakah yang telah membawa perubahan kepada corak pemerintahan moden di Lundang?**

SH : Sama juga. Berbalik kepada tadi bermakna kalau dahulu secara tradisionalnya bila British *mari* [datang] pada *seribu sembilan ratus sembilan* [1909] dia bawa corak moden makaanya daripada pemerintahan tradisional diberi kepada "Tok Kweng". Bermula daripada "Tok Kweng" dan selepas itu ditukar nama daripada "Tok Kweng" kepada *penggawa*. Itulah corak pemerintahan moden.

F : Selepas itu bilakah daerah Lundang dipecah?

SH : Daerah Lundang dipecah pada tahun *seribu sembilan ratus tujuh puluh* [1970] mengikut peta baru pada tahun *seribu sembilan ratus tujuh puluh* [1970].

F : Siapakah yang telah mentadbir Daerah Lundang secara moden dari tahun *seribu sembilan ratus sembilan* [1909] hingga *seribu sembilan ratus empat* [1904]?

SH : Sebenarnya itu silap bukan - *seribu sembilan ratus sembilan* [1909] hingga *seribu sembilan ratus empat* [1904]. Sebenarnya penggawa. Orang panggil "*Tok Gawo*" [penggawa]. Dia bermula pada tahun *seribu sembilan ratus empat* [1904] tadi hingga *seribu sembilan ratus sembilan* [1909]. Maknanya masa itu British nak *mari* [datang] dah. Maknanya "*Tok Gawo*" [penggawa].

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: TOKOH TOKOH LUNDANG

F : **Siapa “Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah”?**

SH : “Haji Wan Ishak” adalah merupakan “Mufti Negeri Kelantan”. Dia merupakan keturunan Dato Lundang juga.

F : **Apakah sungai-sungai yang menjadi laluan untuk ke Lundang?**

SH : Sungai sungai pada zaman dahulu dia ini luas tapi oleh kerana arus perubahan yang moden ada setengahnya kita tak nampak sungai dah kita hanya nampak macam parit. Bermula daripada Kuala Pengkalan Galuh di Sungai Kelantan ataupun di belakang Istana Kota Lama. *Kalu gi denuh* [Kalau pergi ke sana] masih ada lagi kita nampak satu aliran pecahan daripada Sungai Kelantan itu daripada belakang istana itu menghala kepada Kampung Sireh daripada Kampung Sireh ini dia pergi pula kepada bawah lembah. Bawah lembah Kampung Sireh selepas itu dia pergi lagi ke Pintu Geng *pahtu* [selepas itu] lalu melalui Kampung Bawah Lembah Bunut Payung dan seterusnya sampai kepada sungai Kampung Lundang. Sungai Kampung Lundang ini kita boleh nampak sekiranya kita berada di *retok* [jambatan] Belemak yang berada di Jalan Tengku Mohd Maasum [Jambatan Pasir Hor, Kelantan]. Kita akan nampak di Jalan Tengku Mohd Maasum akhirnya Sungai Lundang ini akan - sekiranya kita akan bertemu dengan Sungai Mulong sebelum Pasir Hor dan begitulah jalan-jalan sungai pada zaman dahulu.

F : Siapakah “Syeikh Abdul Halim”?

SH : “Syeikh Abdul Halim” ini adalah merupakan anak angkat kepada sultan ataupun “Long Yunus”. Sultan yang memerintah Kelantan pada zaman dahulu ada seorang anak angkat dia yang bernama “Syeikh Abdul Halim” bermakna dua orang. “Wan Mahmud” anak kepada “Dato Maharaja Wangsa” dan juga “Syeikh Abdul Halim”. Beliau berasal daripada Yunan, China dan beliau dihantar oleh “Long Yunus” ke Mekah dan menuntut disana. Beliau juga merupakan moyang kepada bekas “Mufti Tokoh Ulama” yang terkenal iaitu “Dato Haji Mohamad Noor”.

F : Siapa “Imam Tuan Haji Fakeh” ini pakcik?

SH : “Imam Tuan Haji Fakeh” adalah penulis Manuskrip Lundang.

F : Cara apa yang digunakan untuk melantik Pemerintah Lundang?

SH : Pakcik rasa oleh kerana “Wan Mahmud” ini dipelihara oleh “Long Yunus” dan menjadi anak angkat raja jadi corak pemerintahan untuk melantik “Dato Lundang” ini dibuat seperti untuk melantik sultan Kelantan iaitu sebelum dikebumikan ayahandanya maka hendaklah dipilih di kalangan anakanda-anakandanya untuk menjadi pengganti dan sultan sendiri turun ke kampung Lundang memberi satu keris kebesaran ataupun keris kuasa untuk dilantik sebagai pemerintah kampung Lundang. Itulah caranya lebih kepada - lebih kurang sama untuk melantik Sultan Kelantan sebagai pengganti Sultan Kelantan.

F : Siapa yang telah menerima kurniaan tersebut?

SH : Semuanya menerima daripada “Wan Mahmud” sehinggalah kepada “Panglima Perang Lundang” yang keempat ataupun sultan-sultan yg memerintah Kelantan pada masa itu akan menganugerahkan keris dan kuasa sebagai “Pemerintah Lundang”. Jadi “Pemerintah Lundang” yang terakhir adalah “Dato Lundang”. Beliau pun menerima keris kuasa daripada “Dato Lundang” juga.

F : **Selepas itu siapa “Dato Kaya Hulubalang Kadok”? Kalau boleh nak suruh pakcik ringkaskan mengenai beliau.**

SH : “Dato Kaya Hulubalang Kadok” adalah anak kepada “Pengkulu Adas”. “Pengkulu Adas” ini orang Indonesia. Dia *mari* [datang] ke Kelantan dan berkahwin dengan adik “Mandor Mis”. Jadi anak beliau yang bernama “Haji Wan Abdullah” diberi gelaran oleh Sultan Kelantan dengan gelaran “Dato Kaya Hulubalang Kadok Satu”.

F : **Siapakah empat hulubalang yg diceritakan di dalam Manuskrip Peringatan Lundang?**

SH : Empat hulubalang ini maksudnya yang telah pergi ke Terengganu - dan membawa panglima-panglima daripada Terengganu dibantu oleh Terengganu untuk mengembalikan takhta Kelantan kepada “Long Yunus”. Jadi mereka adalah - “Long Yunus” sendiri, “Sutan Adas”, “Mandor Mis” dan juga “Long Ghafar”. Jadi empat orang inilah teraju utama dibantu oleh panglima-panglima daripada Terengganu.

F : **Bila peperangan Kota Kubang Labu berlaku dan siapa *hok* [yang] terlibat?**

SH : Jadi peperangan Kota Kubang Labu berlaku pada tahun *satu satu tujuh enam* [1176]. Tokoh-tokoh yang terlibat tadi seperti yang saya kata tadi disebelah “Long Yunus” adalah “Sutan Adas”. Dia bukan Sultan, jangan silap faham disitu. ‘Sutan Adas”, “Long Yunus”, “Mandor Mis”, dan juga “Long Ghafar” disebelah “Long Yunus” dan di sebelah lawannya - adalah “Long Pandak” dengan “Long Deraman” kalau mengikut manuskrip ini.

F : **Kalau boleh tahu apa kehebatan Haji Wan Ahmad?**

SS : “Dato Nik Wan Ahmad” - “Dato Haji Nik Wan Ahmad” ini merupakan “Dato Kaya Hulubalang Kadok” - yang kedua. Beliau -- kehebatannya adalah dapat menjinakkan gajah. Kalau gajah-gajah liar bila dia *gi sajo* [pergi sahaja] automatik gajah itu akan tunduk jadi bila datang kepada “Dato Kaya Hulubalang Kadok Dua” automatik gajah itu akan tunduk kepada dia.

F : **Pakcik tahu apa nama gajah itu?**

SH : (ketawa) Di antara gajah dia yang terkenal adalah “Bima Sakti” - dan satu lagi “Awan Telaga” dan “Mekna”. Bermakna dia ada tiga ekor. Satu bernama “Bima Sakti”, yang kedua “Awan Telaga” dan juga “Mekna”.

F : **Apa kehebatan gajah gajah tersebut?**

SH : Diantara tiga ekor gajah yang hebat sekali adalah “Bima Sakti”. Diceritakan “Bima Sakti” ini air penawarnya boleh mengubat penyakit dan diceritakan sendiri oleh anak “Datuk Kadok” ini bila saya pergi ke rumah dia. Dia pernah cerita, “dia beritahu *kalu ore mari tak bubuh duit keras contoh dale paye* [kalau orang datang tak bagi duit pengeras contoh dalam tempayan], gajah itu minum air dia takkan sembur balik. Maknanya tak boleh air [air penawar] kepada orang yang pergi. Orang yang pergi memang nak ambil air. Kalau tak bagi imbalan macam *duit keras* [duit pengeras] dan sebagainya gajah itu tahu orang tak bagi duit jadi orang pergi itu tak boleh ambil air penawar. Gajah itu tahu kita tak bagi duit jadi gajah itu tak sembur balik.

F : **Dimanakah “Dato Wan Abdullah” dan “Dato Haji Nik Wan Ahmad” dimakamkan?**

SH : Mengikut kepada keterangan anak kepada “Dato Hulubalang Kadok” ini iaitu “Nik Som binti Dato Haji Nik Wan Ahmad”, “Makam Dato Haji Wan Abdullah” dipinggir kubur dan “Dato Nik Wan Ahmad” pula di tengah-tengah kubur. Maknanya, ayah kepada “Nik Wan Ahmad” ini duduk di pinggir dan “Nik Wan Ahmad” sendiri duduk di tengah-tengah.

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7: SEJARAH MASJID MUKIM LUNDANG

- F : Siapa pengasas Masjid Mukim Lundang dan Sejarah Masjid Mukim Lundang?**
- SH :** Kalau mengikut catatan bergambar ini - imam masjid pertama iaitu “Haji Wan Abbas”. Saya berpendapat beliau orang pertama yang mengasaskan masjid ini - rekod-rekodnya tidak ada. Rekod bergambar yang dapat dicatit pada tahun *seribu sembilan ratus enam puluh tujuh* [1967].
- F : Boleh pakcik cerita sedikit latar belakang *ore hok* [orang yang] menubuhkan Masjid Mukim Lundang - ataupun pakcik ceritakan sedikit latar belakang imam masjid Kampung Lundang.**
- SH :** “Imam Tuan Haji Wan Ibrahim” - “Tuan Haji Wan Ibrahim” ini daripada catatan yang pakcik buat beliau ini dilahirkan di Jerteh, Terengganu cuma berkahwin dengan orang Lundang. Mengikut catatan pakcik buat buku ini, beliau berusia *tujuh puluh dua tahun* [72 tahun]. Dia mula memangku imam pada tahun *seribu sembilan ratus tujuh puluh dua* [1972] hingga *seribu sembilan ratus tujuh puluh tiga* [1973].

F : Siapa yang merasmikan masjid Kampung Lundang?

SH : Yang merasmikan masjid Kampung Lundang ini adalah - “Yang Teramat Mulia Tengku Ismail Petra Ibni Sultan Yahya Petra” iaitu “Tengku Mahkota Kelantan” pada *tiga puluh Ogos seribu sembilan ratus enam puluh lapan* [30 Ogos 1968].

F : Pak cik tahu siapa yang mewakafkan tapak masjid mukim Lundang?

SH : (mendengus). Tapak masjid ini adalah seluas lebih kurang suku hektar ini diwakafkan oleh “Dato Kaya Derma, Haji Abdul Rahim”. Pada masa itu adalah tuan punya ‘Kelantan Measat Three’ [sumbangan beliau]. Dengan hasil rundingan yang dilakukan oleh Yang Berhormat “Dato Nik Wan Ahmad Kamil”, “Ahli Parlimen Kota Bharu”, “Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Ismail”, “Adun Telipot” dan “Wan Ismail bin Wan Mamat” mewakili tuan Imam Lundang pada masa itu.

F : Siapa imam-imam Masjid Kampung Lundang yang pernah berkhidmat di masjid tersebut?

SH : Imam-imam yang berkhidmat di Masjid Lundang ini ada setengahnya dapat dicatitkn tarikh tapi kalau yang dahulunya pakcik tak dapat tarikh. Kalau nak tanya orang pun memang dah tiada siapa boleh bertanya dan boleh beritahu. Yang pertamanya “Imam Tuan Haji Abbas”. Selepasnya “Imam Tuan Haji Wan Ngah”, yang ketiga “Imam Tuan Haji Wan Salleh Wan Daud”. Pak cik hanya ingat imam yang ketiga ini sahaja iaitu - bermulanya tarikh dari tahun *seribu sembilan ratus empat puluh lima* [1945] sehingga *seribu sembilan ratus empat puluh tujuh* [1970]. Pakcik sempat kenal “Imam Haji Wan Salleh”, “Tuan Haji Noor” dan “Tuan Haji Abbas” - dan yang keempat “Imam Tuan Haji Wan Yusof” pakcik sempat kenal “Tuan Haji Wan Yusof”. Beliau melanjutkan pelajaran dan “Tuan Haji Ibrahim” pada tahun *seribu sembilan ratus tujuh puluh dua* [1972] hingga *dua ribu lapan* [2008]. Selepas itu imam muda “Haji Abdul Rahim bin Haji Senik” bermula tahun *dua ribu lima* [2005] sehingga *dua ribu sepuluh* [2010]. “Imam Mohd Sidek bin Mohamad” dari tahun *dua ribu sembilan* [2009] sehingga Mei *dua ribu sembilan* [2009]. Selepas itu “Imam Mohamad bin Zakaria” dari Januari *dua ribu sepuluh* [2010] hingga Februari *dua ribu sebelas* [2011], “Imam Muda Haji Adras” - “Fadli bin Che Ahmad” Disember *dua ribu sembilan* [2009] hingga sekarang dan Imam tua, “Tuan Haji Samsudin bin Abdul Rahman” *satu April dua ribu tiga belas* [1 April 2013] dan sekarang - yang terbaru belum ada lagi imam tua hanya imam muda sahaja. Kita masih lagi mencari seorang imam tua.

BAHAGIAN 8: SEJARAH SEKOLAH KEBANGSAAN LUNDANG

F : Siapa pengasas Sekolah Kebangsaan Lundang?

SH : Sekolah Kebangsaan Lundang diasaskan oleh “Cikgu Hashim” - “Cikgu Hashim” ini - nama penuh beliau - ialah “Haji Hashim bin Mohamad”.

F : Bagaimana Sekolah Kebangsaan Lundang itu boleh wujud?

SH : Sekolah Kebangsaan Lundang ini adalah hasil daripada beliau [Cikgu Hashim] yang bermula dari sekolah rakyat sehinggalah menjadi Sekolah Rendah Kebangsaan Lundang. Jadi beliau ini bukan orang Kampung Lundang yang sebenarnya. Dia berkahwin dengan orang Lundang.

F : Dia asal mana?

SH : Dia asalnya dari Kampung Surau Kota, Kota Bharu. Dilahirkan pada tahun *seribu sembilan ratus dua puluh* [1920].

F : **Dengan bermulanya penubuhan sekolah rakyat, setiap sekolah rakyat haruslah bernaung di bawah siapa?**

SH : Pada masa itu sekolah-sekolah ini bernaung - dibawah Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan.

F : **Mengikut sejarah, British ingin menutup sekolah rakyat. Apakah tekanan kerajaan British terhadap sekolah rakyat?**

SH : Kerajaan British mula memberi tekanan dan ugutan untuk menutup semua sekolah rakyat di Kelantan. Jadi, alasan kerajaan British bahawa sekolah rakyat yang wujud ketika itu telah tidak bersistematik dan memadailah hanya Sekolah Melayu sahaja yang wujud.

F : **Bila memorandum bantahan kepada kerajaan British itu diserahkan?**

SH : Memorandum ini diserahkan pada kerajaan British pada pertengahan tahun *seribu sembilan ratus lima puluh* [1950]. Setelah itu, diadakan satu rapat umum [perhimpunan secara besar-besaran] untuk menyerahkan memorandum tersebut - pertengahan tahun *seribu sembilan ratus lima puluh* [1950].

F : **Ada lagi tak jasa “Cikgu Hashim” terhadap institusi pendidikan di Lundang?**

SH : Selain daripada wujudnya Sekolah Kebangsaan Lundang beliau juga telah mewujudkan sekolah agama - iaitu dipanggil dengan nama Sekolah Yaakubiah sempena dengan nama tuan tanah itu. Tuan tanah itu nama “Yaakub” dan nama “Yaakub” jadi diberi nama sekolah tersebut Yaakubiah dan sekolah ini bersekolah pada waktu petang. Selepas habis Sekolah Kebangsaan Melayu ini, murid-murid digalakkan untuk bersekolah agama di Yaakubiah.

F : **Apakah perkembangan Sekolah Rakyat Lundang itu yang baru mendapat bantuan?**

SH : Jadi perkembangannya telah bertambahnya dengan murid-muridnya dan juga sokongan daripada orang-orang kampung seperti tanah untuk mendirikan sekolah diberi - oleh “Imam Haji Wan Salleh” dan telah menderma kebun-kebun durian, ditebasnya kebun durian beliau dan didirikan Sekolah Kebangsaan Lundang.

F : **Bagaimana Sekolah Kebangsaan Lundang itu terbentuk?**

SH : Sekolah Kebangsaan Lundang terbentuk adalah hasil daripada ikhtiar - daripada “Cikgu Hashim” dengan beberapa orang ahli jawatankuasa yang lain bermula dari sekolah rakyat kepada sekolah kebangsaan yang ada sekarang ini.

TAMAT BAHAGIAN 8

BAHAGIAN 9: PEMBESAR LUNDANG

F : **Siapa “Nik Besar” ini pakek?**

SH : (ketawa). “Nik Besar” ini merupakan pembesar pembesar “Dato Lundang”. “Dato Lundang” ini ialah pemerintah daerah. Salah seorang pembesarnya adalah “Nik Besar bin Nik Chik”.

F : **Dia ada tugas *suku* [asing] ke?**

SH : Ya tugas-tugasnya adalah sebagai pembantu. Mengikut lisan, “Pak Nik Besar” pernah ditugaskan - oleh “Dato Lundang” untuk menjalankan hukuman bunuh ke atas pesalah-pesalah yang telah diberi izin oleh “Sultan Kelantan” dan dibenarkan oleh “Dato Lundang” untuk menjalankan hukuman bunuh tersebut.

F : **Dimana “Nik Besar” ini disemadikan?**

SH : Nik Besar ini disemadikan di Tanah Perkuburan Tok Syed Kassim - iaitu berhadapan dengan Dewan Badminton Dato Lundang. Beliau telah meninggal dunia pada dua *Disember seribu sembilan ratus empat puluh tujuh* [2 Disember 1947].

F : Nak tanya pasal “Cikgu Hashim” tadi. Halangan apa yang dihadapi oleh Cikgu Hashim demi mewujudkan Sekolah Kebangsaan Lundang?

SH : Salah satunya adalah berkenaan dengan tapak. Tapak sekolah asalnya di masjid sekarang ini. Masjid yang dulunya tapak sekolah -- pernah berlaku selisih faham antara jawatankuasa sekolah dengan tuan tanah. Tuan tanah ni kata ok *tubik* [keluar]. Saya nak ambil balik tanah ini dari situlah Cikgu Hashim mendapat satu - bom jangka yang beliau tidak jangkakan (ketawa). Tapi nasib baik bapa mertua dia iaitu imam tadi merupakan bapa mertuanya telah memberi tapak yang baru.

TAMAT BAHAGIAN 9

BAHAGIAN 10 : SEJARAH SENI SILAT

F : Tadi pakcik ada cerita sikit pasal silat. Nak tahu lebih banyak pasal perkembangan seni silat di Lundang ini. Bagaimana seni silat ni boleh wujud dan salasilah seni silat?

SH : Di Lundang ini pada masa dahulu terkenal dengan silat. Orang yang - mula mula sekali memperkenalkan silat ini ialah “Nik Abdul Rahman Nik Mahmud”. Beliau merupakan cucu kepada “Dato Lundang”. Jadi beliau yang telah memperkenalkan silat ini dan selepas itu dipelajari oleh ayahanda pak cik “Husin bin Isa” menyambung daripada “Pak Nik Man” tadi dan sekarang ini pakcik pula yang sambung.

F : Ayahanda pakcik pun memang dari dulu lagi dia aktif dengan silat lepas itu dia ajar juga silat. Maksudnya dia kumpulkan pemuda-pemuda Lundang ini *pahtu* [selepas itu] dia tarik pemuda Lundang ini untuk mempelajari silat?

SH : Jadi pada masa itu - zaman itu mencari guru. Pesilat mencari guru. Bukan macam sekarang, sekarang ni guru mencari pesilat. Guru pergi ke sekolah mempromosikan pesilat. Zaman dahulu *tak dok* [tidak ada] murid mencari guru. Jadi begitu juga di Lundang ini banyak penduduk-penduduk luar selain orang kampung sendiri berguru dengan “Pak Nik Man” dan berguru dengan ayahanda saya.

F : Siapa yang telah mempelajari gayungman ini?

SH : Di sini ada dua. Satu silat dan perkataan yang kedua pula adalah gayungman. Dia dua yang berlainan, gayungman ini berasal daripada - kalau ikut sejarah adalah berasal dari tanah Arab dan dipelajari oleh “Tuan Haji Abdul Rahman” di Pasir Puteh dan selepas itu dipelajari oleh “Tuan Haji Talib”. Ayahanda saya pula belajar dengan “Tuan Haji Talib” sebab “Tuan Haji Talib” ini berurusan jualan padi pada masa dahulu datang ke kampung Telipot ataupun tempatnya lebih kepada Sinar Dua [daerah Telipot, Kota Bharu]. Ayahanda pak cik pada masa pak cik kecil dia ajar gayungman. Bila selepas kahwin ayah pak cik datang ke Kampung Lundang belajar pula dengan arwah “Pak Nik Man”. Dia dua yang berlainan, permainan pun berlainan.

F : Bagaimanakah cara untuk mempelajari ilmu gayungman ini?

SH : Ilmu gayungman ini satu yang berlainan daripada silat. Dia banyak kepada tidak menggunakan gendang dan tidak membuat pertunjukan. Macam silat kita boleh silat kat *bekwoh* [kenduri] ada gendang silat dan sebagainya. Gayungman ini hanyalah untuk mempertahankan diri sahaja tidak dibenarkan membuat pertunjukan. Dua perbezaan yang sangat jauh.

F : **Siapa yang telah mengembangkan silat gayungman ini kepada anak bangsa?**

SH : Yang telah mengembangkan silat gayungman ini adalah “Tuan Haji Talib” ataupun kalau kita pergi ke Pasir Puteh kita panggil “Wok Lid”. “Wok Lid” ini kalau sebut nama “Wok Lid” semua orang kenal.

F : **Dia ada lagi ke sekarang?**

SH : Dia telah meninggal dunia. Semua telah meninggal dunia jadi ayahanda pakcik belajar dengan dia. Jadi belajar dengan “Tuan Haji Abdul Rahman”. “Tuan Haji Abdul Rahman” ini mendapat gayungman ini semasa beliau berada di Mekah. Dia buat balik gayungman ini daripada Mekah dipelajari oleh “Wok Lid” dan bukan berasal daripada Semenanjung -- dan macam silat ini asal daripada kita sendiri, Pattani dan sebagainya. Jadi ____ gayungman ini berasal daripada Tanah Arab.

F : **Apa nama persatuan yang telah diberikan khusus untuk silat gayungman ini?**

SH : Pada masa zaman ayahanda saya dulu - seni silat melayu __ maksudnya selepas pak cik pencen pada tahun *dua ribu* [2000] pak cik telah menubuhkan pertubuhan dengan nama Seni Silat Gayungman - Segerak Kelantan. Pak cik telah mencantumkan seni silat dengan seni silat gayungman dan direstui oleh ayahanda pakcik.

- F : **Bagaimanakah gayungman ini wujud? Selepas itu pak cik cerita sikit salasilah gayungman.**
- SH : Gayungman macam pak cik cerita tadi gayungman berasal daripada Tanah Arab dan telah dipelajari oleh “Tuan Haji Abdul Rahman” dibawa balik ke Pasir Puteh dipelajari oleh “Tuan Haji Talib” dan telah dipelajari oleh ayahanda pakcik atau lebih dikenali sebagai “Pak Chu Husin” dan pak cik sendiri belajar dengan ayahanda pak cik.
- F : **Apakah anugerah yang telah diberikan kepada “Paknik Man” sempena jasanya kepada Seni Silat Lundang?**
- SH : “Pak Nik Man” telah dianugerahkan pingat ‘Jaksa Pendamai’ ataupun ‘JP’ oleh baginda Sultan Kelantan iaitu “Duli Yang Maha Mulia Sultan Yahya Petra Ibni Sultan Ibrahim” pada tahun *seribu sembilan ratus sembilan puluh tujuh* [1997].

F : **Siapa “Tengku Ngah” dalam persilatan ini pakeik?**

SH : “Tengku Ngah” adalah merupakan guru silat kepada arwah “Nik Abdul Rahman” ataupun lebih dikenali dengan “Pak Nik Man” dan “Tengku Ngah” ini berasal daripada Terengganu. Beliau datang ke Kelantan dan pada masa itu “Dato Lundang” mengambil “Tengku Ngah” untuk mengajar kepada dua orang cucunya iaitu arwah “Pak Nik Man” dan juga abang dia - “Pak Nik Lah” ataupun “Nik Abdullah”.

F : **Apa kehebatan “Pak Nik Man” ini ketika mengajar silat?**

SH : “Pak Nik Man” ini dia orang comel, dia orang tubuh tinggi. Jadi beliau bersilat dengan kehebatan silat itu sendiri (batuk) ditambah dengan tubuh badan dia yang tegap itu. Orang *тино* [perempuan] pun suka sampai orang cakap *buryi* [terdengar] “Pak Nik Man” bersilat sanggup tinggal gulai di dapur itu hangit (ketawa). “Pak Nik Man” cekap dalam ilmu mempertahankan diri. Beliau sangat liciklah dalam bahasa sekarang ini dan kiranya ada yang sudi nak *test* [cuba] - untuk menjatuhkan beliau tapi tak dapat menjatuhkan arwah “Pak Nik Man”. Dia dapat membaca tingkah laku anak muridnya yang mana ___ nak belajar daripada langkah – anak anak murid beliau.

F : “Pak Chu Husin” merupakan kesinambungan kepada silat Kampung Lundang. Boleh pak cik cerita sedikit latar belakang “Pak Chu Husin”?

SH : “Pak Chu Husin ini” merupakan ayahanda pak cik. Nama beliau adalah “Husin bin Isa” bin Mamat. Beliau dilahirkan pada tahun *seribu sembilan ratus tujuh puluh dua* [1972] di Sinar Dua, Telipot Kota Bharu. Dia merupakan anak bongsu daripada lima orang adik beradik. Jadi beliau telah berkahwin dengan arwah mak saya dan menetap di Kampung Lundang.

F : Berapa jumlah keseluruhan gelanggang yang diajar oleh “Pak Chu Husin”?

SH : Jumlah keseluruhan gelanggang yang diajarkan oleh arwah ayahanda “Pak Chu Husin” bermula pada *seribu sembilan ratus lima puluh lima* [1955] sehingga kepada tahun *dua ribu dua* [2002] adalah lima belas gelanggang semuanya.

F : Bila seni silat gayungman ini ditubuh secara rasmi?

SH : Pertubuhan Seni Silat Gayungman Segerak Kelantan ini ditubuhkan secara rasmi berdaftar dengan ROS [Register of Supplier] pada satu Julai *dua ribu dua* [1 Julai 2002].

F : **Seni bela diri dengan seni silat ini lain ke pak cik?**

SH : Seni bela diri ini ada satu perkataan umum makna seni bela diri ini -- dikatakan silat, taekwando, judo [tomoi] pun boleh masuk seni bela diri. Dia *tak bubuh* [tak letak] nama khas untuk seni bela diri. Maknanya yang nak membela diri termasuk dalam golongan ini. Itu pada pendapat pak cik. Mungkin orang lain ada terjemahan dia sendiri berkenaan seni bela diri tapi bagi pakcik yang ada perkataan seni bela diri adalah termasuk dalam seni bela diri itu - termasuk silat.

F : **Pak cik tahu siapa yang mewujudkan seni bela diri?**

SH : Maksud seni bela diri itu. Kalau di Kampung Lundang hanya ada silat. Pengasas silat adalah arwah "Pak Nik Man".

TAMAT BAHAGIAN 10

BAHAGIAN 11: KESAN SEJARAH LUNDANG

F : Selepas itu nak tanya sikit pasal kesan sejarah yang berlaku di Kampung Lundang. “Tok Mandor Mat” dengan - “Mandor Mis” itu orang yang sama ke?

SH : Tak. “Tok Mandor Mat” ini adalah salah seorang mandor di kilang getah Lee Rubber.

F : Kilang getah Lee Rubber ini merupakan sumber utama untuk penduduk Kampung Lundang cari rezeki?

SH : Nama beliau “Tok Mandor” Mat ini adalah - “Muhammad bin Haji Othman”. Jadi beliau bekerja sebagai mandor di - Syarikat Lee Rubber ini dan beliau terkenal dengan nama “Tok Mandor Mat”. Pada masa dahulu apabila orang sebut “Tok Mandor Mat” ini semua orang tahu.

F : Orang berpengaruh la “Tok Mandor Mat” ni?

SH : Orang berpengaruh pada masa itu dan beliau adalah seorang mandor.

F : **Pak cik tahu tak sejarah penubuhan kilang tersebut? Bagaimana kilang getah Lee Rubber Company itu boleh ada di Kampung Lundang.**

SH : Sejarah penubuhan kilang getah - semasa pemerintahan “Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Muhammad Keempat” iaitu sekitar tahun *seribu sembilan ratus empat puluh tujuh* [1947]. Jadi seorang saudagar ataupun tauke cina dari Singapura bernama “Lee” telah datang ke Kelantan dan mengajak baginda - tujuannya adalah untuk membina kilang getah lalu baginda memerintahkan __ iaitu “Tengku Mahmud” untuk mencari lokasinya. “Tengku Mahmud” tinggal di Kampung Lundang dan tapak rumahnya telah menjadi bangunan perniagaan dua tingkat. Dia telah berjumpa dengan “Tok Mandor Mat” tadi untuk mencari lokasi dan didapati satu kawasan lebih kurang tujuh hektar luasnya. Tapak Lee Rubber sekarang adalah merupakan Kompleks Balai Islam Darul Naim sekarang. Maknanya telah ditubuhkan pada tahun *seribu sembilan ratus empat puluh tujuh* [1947] dan mula beroperasi.

F : **Bagaimanakah pengoperasian Lee Rubber itu berlaku?**

SH Lee Rubber mempunyai tiga bangunan yang dipanggil rumah __ ataupun tempat membasuh ataupun mencuci getah dibawah dan di sebelah atas untuk mengeringnya manakala satu bangunan lagi adalah tempat menggunting, dibawah dan disebelah atas dijadikan pejabat. Sebuah rumah batu besar pula sebagai tempat kediaman pengurus serta kerani.

F : **Bagaimakah pergaduhan yang berlaku menjadi sejarah hitam kepada Lee Rubber?**

SH : Kalau kita tengok pada tahun *tujuh puluhan* [1970] dan *enam puluhan* [1960] kita di Kelantan ini daerah-daerah pada masa itu orang panggil *ore gedebe* [orang yang berani]. Jadi orang yang bekerja di kampung Lundang ini bukan orang kampung Lundang sahaja tapi diluar kampung Lundang. Salah satu pergaduhan yang berlaku diantara “Mohamad Zain” tadi dengan salah seorang pemandu lori yang telah berlaku satu pergaduhan dan dendam daripada pemandu lori tersebut sehingga membawa satu kematian kepada seorang cina pada masa itu ingin melintas jalan. Ini adalah kerana dendam. “Siapa-siapa sahaja yang pekerja Lee Rubber yang melintas jalan aku akan langgar”, katanya. Kebetulan pada pukul tiga petang itu seorang cina berdiri di tepi jalan terus dilanggar oleh pemandu lori tersebut. Ceritanya sangat panjang dan kejadian ini berpunca daripada pergaduhan “Mohamad Zain” dengan orang-orang *gedebe* [berani] __.

F : **Selepas itu kes Lee Rubber Company itu ditutup sebab sejarah hitam tadi?**

SH : Bukan. Lee Rubber Company ditutup bukan disebabkan sejarah hitam. Lee Rubber ditutup kesan daripada ekonomi - jadi mungkin produktiviti ataupun pada masa itu getah harganya terlampau turun jadi syarikat tidak dapat beroperasi dan terpaksa menutup kilang Lee Rubber ini.

F : **Apa kenangan dan jasa Lee Rubber kepada penduduk Kampung Lundang?**

SH : Jasa yang paling besar adalah penduduk Lundang kebanyakan boleh mencari makan. Tak kira *tino* [perempuan] *jate* [lelaki] macam mak saya ayah saya pun kerja kilang. Hasil kilang getah ini boleh saya bersekolah. Jadi begitu juga Sekolah Kebangsaan Lundang diberi bantuan *seratus ringgit* [RM100] sebulan oleh pihak pengurusan sekolah. Pada masa itu *seratus ringgit* [RM100] sangat besar *kalu kito kato* [kalau kita cakap]. Dengan adanya Lee Rubber ini bagus kerana penduduk penduduk boleh *kijo* [kerja] - bukan sahaja penduduk Lundang malah orang luar daripada Lundang pun *mari* [datang] kerja dari Wakaf Che Yeh dan orang daripada Kedai Lalat *mari kijo* [datang kerja] di Lee Rubber.

F : **Satu satunya kilang getah yang ada di Kelantan ini Lee Rubber sahaja?**

SH : Ada tempat lain pun memang ada - di Tanah Merah. Ada kilang getah tapi wujudnya pak cik tak tahu yang mana dulu wujud tapi kalau mengikut pengalaman pak cik di Lundang dahulu __ sebab masa dia jumpa "Sultan Kelantan" lalu ditubuhnya di Lundang. Mungkin selepas itu baru ada di Wakaf Che Yeh dan juga di Tanah Merah.

F : Bolehkah pakcik cerita secara ringkas keseluruhan cerita tentang “Dato Lundang” sampai sekarang? Maksudnya yang pak cik tahu pasal “Dato Lundang” ini.

SH : “Dato Lundang” ini mula memerintah Lundang pada masa zaman Sultan Muhammad Keempat [Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Muhammad]. Beliau merupakan seorang pemerintah yang paling lama berkhidmat. Selepas “Sultan Muhammad” yang keempat itu banyak lagi sultan - dan beliau merupakan seorang pemerintah Lundang ataupun “Raja Lundang” yang terakhir. Banyak jasa beliau telah diberikan kepada anak anak “Dato Lundang” tadi seperti diawal penceritaan pak cik dan nama beliau diabadikan di sebatang jalan raya - jalan raya yang begitu agak panjang yang boleh kita susuri daripada depan Balai Islam sehingga boleh kita susuri sehingga ke - Cherang. Begitulah serba ringkas.

S : Kita sudah habis pertanyaan mengenai Sejarah Lundang, sebelum kami mengakhirinya kami nak tahu daripada pak cik. Pak cik nak tak salinan transkrip ini bila dah siap?

SH : Berkenaan dengan salinan transkrip apa semua itu rasanya tidak perlu sebab bagi pak cik, pak cik serahkan segala apa yang diterangkan ini untuk kegunaan awak berdua. Cuma pakcik nak ucapkan terima kasih kerana diatas kesudian untuk mengetahui maklumat-maklumat berkenaan dengan “Dato Lundang” tetapi pak cik juga memohon maaf mungkin ada serba sedikit kekurangan dari segi fakta dan sebagainya. Pak cik harap awak berdua rujuk kembali kepada buku untuk mendapat fakta yang tepat dan mungkin juga ada yang tertinggal sebab maklumlah dalam kita bercakap ini mungkin ada yang tersilap cakap dan sebagainya tetapi sekiranya ada diterbitkan buku dan sebagainya - kalau sudi nak hantar itu pak cik terima. Alhamdulillah. Terima Kasih.

S : Kami sudahi dengan wabillahi taufik wal hidayah. Assalamualaikum.

SH : Waalaikummussalam.

TAMAT BAHAGIAN 11

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

Masa	Perkara Yang Dibincangkan	Nama/Tempat Yang Dirujuk
00.40	Latar Belakang Tokoh	<ol style="list-style-type: none">1. Shafie Bin Husin2. Kampung Lundang3. Sekolah Kebangsaan Lundang4. Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian5. Kelantan6. Kubang Kerian
03.54	Latar Belakang Keluarga	<ol style="list-style-type: none">1. Azian Binti Man2. Bagan Jermal3. Butterworth4. Pulau Pinang5. Mohd Safrizal6. Mohd Syafik7. Kuala Lumpur8. Malaysia Science University9. Shah Alam10. Syazwani11. Politeknik Kota Bharu12. Ahmad Rizqilah
05.52	Pekerjaan	<ol style="list-style-type: none">1. Tentera Udara Diraja Malaysia2. Pengkalan Tentera Udara3. Gong Kedak4. Jertih5. Terengganu

07.10	Buku Yang Dikarang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dokumentasi Sejarah Dan Aktiviti PSSGSK 2. Pertubuhan Silat Seni Gayungman Segerak Kelantan 3. Sejarah Dan Tokoh Kampung Lundang Traditional Dan Moden 4. Menuju Kegemilangan Seni Silat Jatuh Kelantan 5. Perbuah 6. Persilatan Dan Buah 7. Dewan Bahasa Dan Pustaka
08.48	Penglibatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertubuhan Silat 2. Thailand 3. Indonesia 4. Seni Pertubuhan Seni Silat Warisan Antara Kelantan 5. Seni Silat Gayungman Segerak Kelantan 6. Seni Silat Warisan Tengku Kelantan 7. Bachok 8. Sekolah Kebangsaan Pasir Hor 9. Sekolah Kebangsaan Lundang 10. Sekolah Agama Kiblah 11. Husin Bin Isa

BAHAGIAN 2: SIAPAKAH PANGLIMA PERANG DATO LUNDANG?

12.40	Panglima Perang Dato Lundang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mandur Mis 2. Wan Hamid 3. Tuan Khomis
14.40	Penghulu Lundang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penghulu Awang Besar 2. Dato Maharajawangsa 3. Penghulu Pekung Merah Kujung 4. Wan Mahmud 5. Datuk Panglima Perang Lundang Satu 6. Penghulu Tok Lela Perkasa 7. Wan Nik 8. Dato Panglima Perang Lundang Tiga 9. Penghulu Wan Umar Bin Wan Kecik 10. Wan Musa 11. Dato Panglima Perang Lundang Empat 12. Penghulu Wan Usman 13. Penghulu Wan Yaacob 14. Penghulu Wan Sulaiman Wan Yaacob 15. Penghulu Wan Yusup Bin Wan Sulaiman 16. Pemerintahan Malaysia Nasional 17. Parti Islam Se-Malaysia 18. Lorong Manis Fm
18.00	Manuskrip Peringatan Lundang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Iman Haji Tuan Fakeh Abdullah Bin Ahad 2. Muhammad Al Ghazali 3. Tuan Haji Nasrullah 4. Kok Lanas 5. Peperangan Kota Kubang Labu 6. Sultan Muhammad II

BAHAGIAN 3 : SIAPAKAH PEMBESAR-PEMBESAR LUNDANG?

23.05	Pembesar-Pembesar Lundang	<ol style="list-style-type: none">1. Sultan Yunus2. Long Yunus3. Makam-Makam Raja Lundang4. Lorong Imam5. Dato Mekong6. Almarhum Bendang7. Dato Besar8. Jalan Bayam9. Ketua Daerah10. Tok Penggawa11. British12. Kadok13. Pasir Putih14. Almarhum Long Ghafar15. Tok Kweng16. Restoran Shakila17. Silat18. Mokyong19. Bachok20. Kota Bharu21. Wayang Kulit
37.10	Kisah Tok Janggut	<ol style="list-style-type: none">1. Tok Janggut2. Nik Mat3. Nik Mud4. Menteri Besar5. Bukit Jawa
39.10	Generasi Baru	<ol style="list-style-type: none">1. Muhamad Zain2. Long Ranger3. Mat Zain Tok Mandur4. Mat Zain Lundang

BAHAGIAN 4 : PERUBAHAN KEPADA CORAK PEMERINTAHAN MODEN DI LUNDANG

41.05	Lundang Moden	<ol style="list-style-type: none">1. Lee Rubber2. Bangunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia3. Rukun Tetangga4. Dewan Badminton5. Futsal6. Gelanggang Silat7. Masjid8. Pusat Tahfiz
-------	---------------	---

BAHAGIAN 5: CORAK PEMERINTAHAN MODEN DI LUNDANG

45.15	Corak Pemerintahan Moden	<ol style="list-style-type: none">1. British2. Tok Kweng3. Penggawa4. Daerah Lundang
-------	--------------------------	---

BAHAGIAN 6: TOKOH TOKOH LUNDANG

47.58	Tokoh Tokoh Lundang	<ol style="list-style-type: none">1. Haji Wan Ishak Bin Imam Haji Abdullah2. Mufti Negeri Kelantan3. Dato Lundang
48.50	Sungai-Sungai Yang Menjadi Laluan Untuk Ke Lundang	<ol style="list-style-type: none">1. Kuala Pengkalan Galuh2. Sungai Kelantan3. Istana Kota Lama4. Kampung Sireh5. Pintu Geng6. Kampung Bawah Lembah Bunut Payung7. Jalan Tengku Mohd Maasum8. Sungai Mulong9. Pasir Hor
50.45	Keturunan Lumdung	<ol style="list-style-type: none">1. Syeikh Abdul Halim2. Syeikh Abdul Halim3. Yunan, China4. Mekah5. Mufti Tokoh Ulama6. Dato Haji Mohamad Noor7. Imam Tuan Haji Fakeh8. Dato Kaya Hulubalang Kadok9. Penghulu Adas10. Indonesia11. Haji Wan Abdullah12. Dato Kaya Hulubalang Kadok Satu13. Terengganu

55.00	Peperangan Kota Kubang Labu Yang Terlibat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Long Yunus 2. Sutan Adas 3. Mandor Mis 4. Long Ghafar 5. Long Deraman
56.10	Menceritakan tentang gajah-gajah yang dijinakkan oleh Dato Kaya Hulubalang Kadok	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dato Nik Wan Ahmad 2. Dato Kaya Hulubalang Kadok Dua 3. Bima Sakti 4. Awan Telaga 5. Mekna 6. Datuk Kadok 7. Dato Wan Abdullah 8. Nik Som Binti Dato Haji Nik Wan Ahmad

BAHAGIAN 7: SEJARAH MASJID MUKIM LUNDANG

59.15	Sejarah Masjid Mukim Lundang	<ol style="list-style-type: none">1. Haji Wan Abbas2. Imam Tuan Haji Wan Ibrahim3. Jerteh, Terengganu4. Yang Teramat Mulia Tengku Ismail Petra Ibni Sultan Yahya Petra5. Tengku Mahkota Kelantan6. Dato Kaya Derma7. Haji Abdul Rahim8. Kelantan Measat Three9. Ahli Parlimen Kota Bharu10. Tuan Haji Ibrahim Bin Ismail11. Adun Telipot12. Wan Ismail Bin Wan Mamat13. Imam Lundang
1.02.40	Imam-Imam Masjid Kampung Lundang Yang Pernah Berkhidmat	<ol style="list-style-type: none">1. Imam Tuan Haji Abbas2. Imam Tuan Haji Wan Ngah3. Imam Tuan Haji Wan Salleh Wan Daud4. Imam Tuan Haji Wan Yusof5. Tuan Haji Ibrahim6. Haji Abdul Rahim Bin Haji Senik7. Imam Mohd Sidek Bin Mohamad8. Imam Mohamad Bin Zakaria9. Imam Muda Haji Adras10. Fadli Bin Che Ahmad11. Tuan Haji Samsudin Bin Abdul Rahman

BAHAGIAN 8: SEJARAH SEKOLAH KEBANGSAAN LUNDANG

1.04.46	Sejarah Sekolah Kebangsaan Lundang	<ol style="list-style-type: none">1. Cikgu Hashim2. Haji Hashim Bin Mohamad3. Sekolah Kebangsaan Lundang4. Kampung Surau Kota, Kota Bharu5. Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan.6. Kerajaan British7. Sekolah Melayu8. Sekolah Yaakubiah9. Yaakub10. Imam Haji Wan Salleh
---------	------------------------------------	---

BAHAGIAN 9: PEMBESAR LUNDANG

1.10.30	Pembesar Lundang	<ol style="list-style-type: none">1. Nik Besar2. Nik Besar Bin Nik Chik3. Dato Lundang4. Sultan Kelantan5. Tanah Perkuburan Tok Syed Kassim6. Dewan Badminton Dato Lundang
---------	------------------	---

BAHAGIAN 10: SEJARAH SENI SILAT

1.13.10	Sejarah Seni Silat	<ol style="list-style-type: none">1. Nik Abdul Rahman Nik Mahmud2. Husin Bin Isa3. Pak Nik Man4. Tanah Arab5. Tuan Haji Abdul Rahman6. Tuan Haji Talib7. Telipot8. Sinar Dua9. Wok Lid10. Semenanjung11. Pattani12. Seni Silat Gayungman13. Segerak Kelantan14. Pak Chu Husin15. Sultan Yahya Petra Ibni Sultan Ibrahim16. Tengku Ngah17. Pertubuhan Seni Silat Gayungman Segerak Kelantan18. Register Of Supplier19. Silat20. Taekwando21. Tomoi22. Seni Bela Diri
---------	--------------------	--

BAHAGIAN 11: KESAN SEJARAH LUNDANG

1.23.37	Kesan Sejarah Lundang	<ol style="list-style-type: none">1. Tok Mandor Mat2. Lee Rubber3. Muhammad Bin Haji Othman4. Syarikat Lee Rubber5. Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Muhammad Keempat6. Singapura7. Lee8. Tengku Mahmud9. Kompleks Balai Islam Darul Naim10. Mohamad Zain11. Wakaf Che Yeh12. Kedai Lalat13. Tanah Merah14. Sultan Kelantan15. Raja Lundang16. Cherang
---------	-----------------------	---

DIARI KAJIAN

Tarikh	Masa	Hari	Perkara	Tindakan
24 Mac 2016	2.00 petang	Khamis	Carian melalui google dan laman sesawang mengenai Dato Lundang	Kumpul maklumat
31 Mac 2016	11.30 pagi	Khamis	Berjumpa dengan Pegawai Istana Jahar iaitu Encik Nizam	Mendapat maklumat tentang tokoh-tokoh
31 Mac 2016	2.00 petang	Khamis	Berjumpa dengan penulis buku Sejarah Kelantan iaitu Encik Mohamad bin Mahmud	Menemubualnya dan bertanya mengenai tokoh-tokoh Lundang yang masih ada.
2 April 2016	4.00 petang	Sabtu	Berjumpa dengan Encik Safie bin Hussin iaitu pencerita untuk menemubual latarbelakang dan mengetahui lebih lanjut mengenai cerita Lundang.	Membeli buku yang ditulisnya. Tajuk buku Sejarah dan tokoh-tokoh Lundang.

10 April 2016	2.00 petang	Ahad	Membaca buku Sejarah dan tokoh-tokoh Lundang.	Menyiapkan dan menulis soalan-soalan kajian yang perlu ditanya kepada pencerita.
25 April 2016	8.35 malam	Isnin	Berjumpa dengan Encik Safie bin Hussin.	Menemuramah beliau dan beliau menceritakan dengan lebih terperinci mengenai Sejarah dan Tokoh Lundang.
1 Mei 2016	8.00 malam	Ahad	Mendengar rakaman.	Menaip balik daripada audio yang telah dirakamkan kepada penulisan untuk dijadikan dokumentasi.
19 Mei 2016	2.00 petang	Khamis	Menyiapkan transkrip.	Menyemak kesalahan-kesalahan tatabahasa dan mengikut format yang ditetapkan.

26 Mei 2016	2.00 petang	Ahad	Buat log wawancara dan indeks.	Menyediakan lampiran-lampiran untuk transkrip
6 Jun 2016	2.00 petang	Isnin	Semak.	Mencetak transkrip.

SOALAN KAJIAN

BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG TOKOH

1. Sebelum saya bertanya lebih lanjut mengenai sejarah kampung Lundang, kalau boleh nak tahu lah serba sedikit latar belakang pakcik ni. Boleh pakcik bagitahu nama penuh pakcik, berasal dari mana dan dimana tempat lahir?
2. Boleh pakcik ceritakan serba sedikit tentang keluarga pakcik seperti bilangan adik-beradik dalam keluarga.
3. Pada tahun berapakah pakcik mula mendapat pendidikan?
4. Apakah taraf pendidikan pakcik?
5. Boleh pakcik ceritakan bagaimana pendidikan pada zaman itu?
6. Hobi pakcik pula apa?
7. Bila pakcik mendirikan rumah tangga? Dan apa nama isteri pakcik? Isteri pakcik tu kerja ke atau suri rumah?
8. Hasil perkahwinan pakcik ni, boleh berapa orang anak?
9. Semua dah kahwin ke?
10. Kalau tidak keberatan, boleh pakcik ceritakan serba sedikit tentang anak-anak pakcik?
11. Punca kematian tu masa dilahirkan?
12. Apakah nama anak- anak pakcik dari yang sulung hingga bongsu?
13. Apakah pekerjaan pakcik sebelum ini?
14. Bilakah pakcik bersara ?
15. Selepas tu kerja pakcik selepas bersara tu? Ada buat kerja apa-apa ke, kerja sampingan?

16. Sudah berapa tahun pakcik berkecimpung di dalam dunia silat & penulisan ?
17. Berapa biji buku yang telah pakcik hasilkan ? Berapa tahun dah pakcik berkecimpung dalam ilmu silat dan penulisan? Saya dapat tahu yang pakcik ni dah menerbitkan buku kan?
18. Apakah tajuk-tajuk buku tersebut ?
19. Kira pakcik aktif jugaklah dalam silat ni? Aktiviti apa yang pakcik anjurkan untuk mengembangkan silat ni di Lundang ataupun di negeri Kelantan?

BAHAGIAN 2 : SIAPAKAH PANGLIMA PERANG DATO LUNDANG?

20. Kampung Lundang telah dibuka dan diasaskan oleh siapa ?
21. Bagaimanakah Kampung Lundang mendapat gelaran Lundang ?
22. Apakah pekerjaan utama penduduk di Kampung Lundang ?
23. Apakah salasilah Kampung Lundang serta pentadbiran tradisional sebelum 1909 ?\
24. Enghulu adalah orang perantaraan di antara Pemerintah Lundang. Boleh pakcik namakan mengikut urutan nama-nama Penghulu Kampung Lundang?
25. Siapakah yang menulis manuskrip Peringatan Lundang ?
26. Siapakah yang telah menjumpai Manuskrip Peringatan Lundang ?
27. Tulisan apakah yang ditulis di dalam Manuskrip Peringatan Lundang ?
28. Boleh pakcik ceritakan secara ringkas terjemahan yang ada di dalam manuskrip Peringatan Lundang.
29. Kota tu ada nama tak?

BAHAGIAN 3 : SIAPAKAH PEMBESAR-PEMBESAR LUNDANG?

30. Siapakah Dato' Maharaja Wangsa ?
31. Apakah panggilan bagi Dato' Maharaja Wangsa ?
32. Dimanakah terletaknya makam-makam Raja Lundang ?
33. Siapakah Dato Panglima Perang 1 ?
34. Siapakah yang menggantikan tempat Allahyarham Mandor Mis selepas kemangkatan beliau ?
35. Siapakah Raja Penguasa Kampung Lundang serta Daerah Lundang ?
36. Siapakah yang menggantikan tempat Panglima Perang Dato' Lundang 1 ?
37. Siapakah Dato' Besar ?
38. Siapakah Wan Musa bin Wan Hasan ?
39. Apakah gelaran kebesaran yang diberi kepada Dato' Lundang ?
40. Apakah hubungan diantara Dato' Lundang dan almarhum Dato' Besar ?
41. Apakah yang telah merubah sistem pentadbiran tradisonal di Kelantan ?
42. Apakah maksud Tuk Kweng ?
43. Siapakah Mohammad Zain ?
44. Apakah nama panggilan bagi Mohammad Zain ?

BAHAGIAN 4 : PERUBAHAN KEPADA CORAK PEMERINTAHAN MODEN DI LUNDANG

45. Bagaimanakah pola perubahan Kampung Lundang dan kemajuan yang dicapai ?
46. Apakah akibat daripada peristiwa Angin Besar pada tahun 1880 ?
47. Apakah nama-nama Kampung yang wujud selepas peristiwa itu ?
48. Siapakah Nik Mat Nik Mud ?
49. Apakah akibat daripada Perjanjian British Siam terhadap corak pemerintahan Lundang ?

BAHAGIAN 5 : CORAK PEMERINTAHAN MODEN DI LUNDANG

50. Siapakah yang telah membawa perubahan kepada corak pemerintahan moden di Lundang ?
51. Bilakah Daerah Lundang dipecah ?
52. Siapakah yang mentadbir Daerah Lundang secara moden dari tahun 1909-1904 ?

BAHAGIAN 6 : TOKOH TOKOH LUNDANG

53. Siapakah Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah ?
54. Apakah sungai-sungai yang menjadi laluan untuk ke Lundang ?
55. Siapakah Imam Tuan Haji Fakeh ?
56. Siapakah Sheikh Abdul Halim ?
57. Apakah cara yang digunakan untuk melantik Pemerintah Lundang ?
58. Siapakah yang telah menerima kurniaan tersebut ?
59. Siapakah Dato' Kaya Hulubalang Kadok dan ringkaskan mengenai beliau.

60. Siapakah Penghulu Adas ?
61. Siapakah empat hulubalang yang diceritakan di dalam Manuskrip Peringatan Lundang ?
62. Bilakah peperangan Kota Kubang Labu berlaku dan siapa yang terlibat ?
63. Apakah kehebatan Dato' Haji Nik Wan Ahmad ?
64. Apakah nama gajah yang dipelihara oleh Dato' Haji Nik Wan Ahmad ?
65. Apakah kehebatan gajah-gajah tersebut ?
66. Dimanakah Dato' Wan Abdullah dan Dato' Haji Nik Wan Ahmad dimakamkan ?

BAHAGIAN 7 : SEJARAH MASJID MUKIM LUNDANG

67. Siapakah pengasas Masjid Mukim Lundang dan sejarah Masjid Mukim Lundang.
68. Siapakah yang telah merasmikan Masjid Mukim Lundang ?
69. Siapakah yang telah mewakafkan tapak masjid ini ?
70. Bolehkah pakcik ceritakan sedikit biografi Tuan Haji Wan Ibrahim Bin Wan Mamat?
71. Siapakah imam-imam-masjid Kampung Lundang yang pernah berkhidmat dimasjid tersebut ?

BAHAGIAN 8 : SEJARAH SEKOLAH KEBANGSAAN LUNDANG

72. Siapakah pengasas Sekolah Kebangsaan Lundang ?
73. Bagaimanakah Sekolah Kebangsaan Lundang terwujud ?
74. Dengan bermulanya penubuhan sekolah rakyat, setiap sekolah rakyat haruslah bernaung dibawah ?
75. Mengikut sejarah, British ingin menutup sekolah rakyat. Apakah tekanan kerajaan British terhadap sekolah rakyat ?
76. Bilakah memorandum bantahan kepada kerajaan British diserahkan ?
77. Siapakah Cikgu Hashim dan apakah jasa beliau terhadap institusi pendidikan di Lundang ?
78. Apakah perkembangan Sekolah Rakyat Lundang yang baru mendapat bantuan ?
79. Bagaimana Sekolah Kebangsaan Lundang terbentuk ?

BAHAGIAN 9 : PEMBESAR LUNDANG

80. Siapakah Nik Besar ?
81. Apakah tugas khusus Nik Besar ?
82. Dimanakah Nik Besar disemadikan ?
83. Apakah halangan yang dihadapi oleh Cikgu Hashim demi mewujudkan Sekolah Kebangsaan Lundang ?

BAHAGIAN 10 : SEJARAH SENI SILAT

84. Bagaimanakah seni silat di Lundang wujud dan salasilah seni silat ?
85. Siapakah yang telah mempelajari Gayungman ?
86. Dimanakah gayungman ini berasal ?
87. Bagaimanakah cara untuk mempelajari ilmu gayungman ?
88. Siapakah yang telah mengembangkan silat Gayungman kepada anak bangsa ?
89. Apakah nama persatuan yang telah diberikan khusus untuk silat gayungman ?
90. Bagaimanakah gayungman wujud dan salasilah gayungman ?
91. Ilmu persilatan amat terkenal di Lundang. Siapakah Pak Nik Man ?
92. Apakah nama sebenar Pak Nik Man ?
93. Apakah anugerah yang telah diberikan kepada Pak Nik Man sempena jasanya kepada warisan seni silat Lundang ?
94. Siapakah Tengku Ngah dalam persilatan ?
95. Apakah kehebatan Pak Nik Man ketika mengajar silat ?
96. Pak Chu Husin merupakan kesinambungan kepada silat Kampung Lundang. Boleh ustaz ceritakan sedikit latar belakang Pak Chu Husin ?
97. Berapakah jumlah keseluruhan gelanggang yang diajar oleh Pak Chu Husin ?
98. Bilakah seni silat gayungman ditubuhkan secara rasmi ?
99. Siapakah yang telah mewujudkan seni bela diri ?
100. Apakah jenis seni bela diri yang diajar ?

BAHAGIAN 11 : KESAN SEJARAH LUNDANG

101. Siapakah Tok Mandor Mat ?
102. Kilang getah Lee Rubber Company Limited terletak di Lundang. Bolehkah pakcik ceritakan sedikit sejarah penubuhan kilang tersebut ?
103. Bagaimanakah pengoperasian Lee Rubber berlangsung ?
104. Bagaimanakah pergaduhan boleh berlaku yang menjadi sejarah hitam Lee Rubber?
105. Bagaimanakah penutupan Lee Rubber terjadi ?
106. Apakah kenangan dan jasa Lee Rubber ?
107. Satu satunya kilang getah yang ada di Kelantan ini Lee Rubber sahaja?
108. Bolehkah pakcik cerita secara ringkas keseluruhan cerita tentang “Dato Lundang” sampai sekarang? Maksudnya yang pak cik tahu pasal “Dato Lundang” ini.
109. Kita sudah habis pertanyaan mengenai Sejarah Lundang, sebelum kami mengakhirinya kami nak tahu daripada pak cik. Pak cik nak tak salinan transkrip ini bila dah siap?



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan SHAFIE BIN HUSIN Pada 25 APRIL 2016


1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan. Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

(Shafie B. Husin)

Pengkisah


.....
Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat UITM

LAMPIRAN 1



Gambar 1 : Contoh Manuskrip Peringatan Lundang

LAMPIRAN 2



Gambar 2 : Gambar Pencerita di Festival Silat

LAMPIRAN 3



Gambar 3 : Sijil Pertubuhan Seni Silat Warisan Tengku Ngeh Kelantan

LAMPIRAN 4



Gambar 4 : Situasi semasa penceritaan

INDEKS

B

British 24,29,33,34,45

C

Cikgu Hashim 44,46,48

D

Daerah Lundang 15,21,23,24,26,34

Dato Besar 22,24

Dato Kaya Hulubalang Kadok 38,39

Dato Lundang 12,15,18,22,23,24,25,26,
27,28,29,31,35,37,47,49,
53,60,61

Dato Maharajawangsa 14,19,20

Dato Mekong 21,23

Dato Nik Wan Ahmad 39,40,42

Dato Panglima Perang Lundang 14,18,
20,21,22,23

H

Haji Wan Abdullah 38,40

Husin Bin Isa 11,49,54

K

Kampung Lundang 2,8,12,13,18,19,21,
26, 27,30,31,32,35,37,
42,43,44,50,55,56,57,58

Kelantan 1,4,8,9,11,15,19,21,24,
30,35,36,37,38,42,45,47,
51,52,53,54,57,58,59

Kota Bharu 1,5,16,27,29,42,44,50,54

Kubang Kerian 3,4,24

L

Lee Rubber 32,56,57,58,59

Long Ghafar 25,38,39

Long Yunus 19,21,36,37,38

M

Mandor Mis 38,39,56

P

Pak Chu Husin 52,54

Pak Nik Man 49,50,52,53,55

Penggawa 24,25,33,34

S

Sekolah Kebangsaan Lundang 3,10,
44,46,
48,59

Seni Silat Gayungman 9,51,53

Sultan Kelantan 24,37,38,47,52,59

Sutan Adas 38,39

T

Tok Kweng 25,33

Tok Mandor Mat 56,57

Tuan Haji Abdul Rahman 50,51,52

Tuan Khomis 12,13,14,19,23

W

Wan Hamid 12,13,19